

**SUKMA: Sasar
36 emas**

MS 3, 22 & 23



**Temasya APMG
bermula**

MS 7



SEPTEMBER 16-30, 2018



PERCUMA

BULETIN MUTIARA



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Perpaduan penting semua bangsa bersatu, negara membangun

HARI Kebangsaan yang disambut 31 Ogos lalu menjadi medan penyatuan rakyat Malaysia dalam menzahirkan semangat patriotisme dan kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa demi kesejahteraan negara.

Slogan 'Sayangi Malaysiaku' bagi sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini amat menarik, ia mengajak seluruh rakyat mengekalkan kestabilan dan kemakmuran yang sudah dinikmati bersama, khususnya sejak negara mencapai kemerdekaan lebih enam dekad lalu.

Wartawan Buletin Mutiara, NORSHAHIDA YUSOFF sempat menemubual segenap lapisan masyarakat berbilang bangsa bagi menelusuri dengan lebih dekat erti sebenar kemerdekaan kepada mereka.

Bagi **ABDUL AZIZ ABDULLAH**, 66, beliau masih ingat suasana selepas merdeka iaitu sekitar tahun 60-an yang mana ketika itu beliau masih di sekolah rendah.

Menurutnya, kanak-kanak dan orang kampung ketika itu begitu bersemangat setiap kali tiba bulan kemerdekaan dengan mendirikan pintu gerbang masuk ke kampung di Seberang Perai.

"Kami dulu di kampung ada satu pintu gerbang besar yang kami buat sendiri gunakan buluh...bulan merdeka saja kami akan hias pintu gerbang ni bagi meriah dengan pasang lampu-lampu dan simbol huruf 'M' menandakan merdeka.

"Suasana dulu semua kaum bercampur tak kira Melayu, Cina, India...kalau dulu waktu main bola di padang, boleh tengok semua bangsa main sekali di padang, tapi sekarang ni cuba kita lihat di padang-padang bola, budak Melayu main dengan Melayu saja, Cina main dengan Cina saja dan begitu juga India... dulu tak, kami semua main sekali, kawan rapat.

"Pakcik harap semua bangsa lebih bersatu barulah negara membangun, kalau berpecah-belah susahlah, perpaduan tu penting," katanya yang menemani anak, cucu serta menantunya yang turut sama menyertai upacara perarakan sambutan kemerdekaan di Padang Kota Lama baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, **SYERLEENA ABDUL RASHID**, berkongsi pengalamannya sebagai seorang anak merdeka, katanya, walaupun tarikh kelahirannya jatuh pada hari kemerdekaan negara, tetapi beliau sendiri "tidak pernah merasakan bahawa hari tersebut merupakan hari jadinya."



SEMANGAT generasi pelapis negara pada Sambutan Hari Kebangsaan Ke-61 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Padang Kota Lama baru-baru ini. (Gambar: AHMAD ADIL MUHAMAD).

Ini kerana, ibu dan bapa beliau telah mendidik dari kecil bahawa tarikh tersebut merupakan tarikh keramat Hari Kemerdekaan negara dan semangat itu yang dibawanya hingga dewasa.

"Semangat merdeka lebih kuat, dan tidak pernah merasa hari ini adalah hari jadi saya sehingga kini.

"Dan... tahun (sambutan) ini sungguh bermakna, aura dan energi sungguh berbeza, kita boleh nampak rakyat betul-betul semangat meraikan Malaysia baharu dan diharapkan momentum ini kekal berterusan walaupun masih banyak perkara yang perlu diperbaiki," ujarnya sambil menyatakan bahawa beliau cukup suka dengan slogan 'Sayangi Malaysiaku' yang diangkat sebagai tema sambutan tahun ini.

Mengulas lanjut mengenai tema tersebut, Syerleena menyatakan bahawa sepatutnya setiap lapisan rakyat tahu membezakan di antara cintakan negara dan cintakan pihak kerajaan.

"Ini tidak betul... kerajaan dan negara adalah dua entiti berbeza, kemerdekaan adalah lambang kebebasan negara dan setiap warganegara harus bangga dengannya," jelasnya.

Dalam pada itu, bagi adik cilik, **FIRAS FAIQ ABDUL**

HALIM, 5, dari Tadika Kemas Tanjung Tokong ternyata gembira apabila dapat menyertai perarakan merdeka bersama rakan-rakan sambil memperagakan pakaian bertemakan Jalur Gemilang.

"Merdeka tu goyang (kibar) bendera," ujarnya sambil tersipu malu ketika diajukan soalan berkaitan.

Turut berasa bersyukur, **M. DENNIS**, 19, beliau merasa cukup bertuah apabila dilahirkan selepas kemerdekaan.

Ulasnya, hasil daripada kemerdekaan, beliau dan semua rakyat Malaysia kini dapat hidup dalam keadaan bebas, aman dan harmoni.

"Saya rasa bertuah, negara kita tidak lagi dijajah dan setiap warganegara kini hidup dalam suasana baik," ujarnya yang pertama kali menyertai perarakan hari merdeka.

Manakala, bagi **NGAN KWANG LIM**, 57, sambutan tahun ini adalah amat meriah dengan semangat baharu dan kerajaan baharu.

"Sambutan tahun ini cukup meriah, pelbagai bangsa boleh nampak hari ni," jelasnya.

(Bersambung di muka 2 & 28).

(Sambungan dari muka 1).

Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri catat sejarah, diraikan penuh gemilang



SEMANGAT ditonjolkan pasukan koir pada sambutan berkenaan.

Gambar : LAW SUUN TING & AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN - Acara kemuncak sambutan Hari Kebangsaan Ke-61 Peringkat Negeri Pulau Pinang diraikan dengan penuh sejarah serta gilang-gemilang.

Sambutan tahun ini mencatatkan sejarah kerana ia signifikan meraikan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang kini seiring di bawah teraju pentadbiran baharu, Pakatan Harapan (PH).

Sambutan bertemakan ‘Sayangi Malaysiaku’ tersebut dimulakan dengan pemeriksaan kawalan



ABDUL Aziz Abdullah.



TUN Dr. Abdul Rahman Abbas menyempurnakan upacara kawalan kehormat sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-61 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

kehormat oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Sejurus kemudian, berlangsungnya acara menaikkan bendera serta nyanyian lagu Negaraku dan Untuk Negeri Kita (Pulau Pinang).

Majlis disusuli dengan perbarisan dan perarakan masuk 110 kontinjen berjalan kaki dan 14 kontinjen berkendaraan di sepanjang laluan Lebuh Light seawal jam 9 pagi di sini pada 31 Ogos lalu.

Penganjuran tahun ini turut mencipta rekod apabila menerima bilangan peserta kawad terbanyak dengan jumlah keseluruhan 8,300 peserta.

Turut menyerikan majlis, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Yang di-Pertua Dewan Undangan

Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Hadir sama, barisan Exco-exco, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen (MP) dan ketua-ketua jabatan peringkat Negeri serta Persekutuan.

Kemeriah sambutan berkenaan disaksikan lebih 5,000 pengunjung berbilang bangsa serta peringkat umur termasuk pelancong asing.

Antara pertunjukkan yang dipersembahkan ialah nyanyian lagu patriotik, deklamasi sajak Kemerdekaan, tarian dan persembahan jet pejuang oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).



SYERLEENA Abdul Rashid.



M. Dennis.



NGAN Kwang Lim.



FIRAS Faiz Abdul Halim.



Oleh: ME

SUKMA Perak: Sasaran 36 pingat emas, KM umum insentif kewangan baru atlet

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

BATU UBAN - Kontinjen Negeri meletakkan sasaran 36 pingat emas, perak (14) dan gangsa (35) dalam menghadapi cabaran Sukan Malaysia (SUKMA) XIX 2018 di Perak.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Pulau Pinang Ke SUKMA XIX Perak 2018 dekat Dewan Jabatan Belia dan Sukan di sini 2 September lalu.

"Pada SUKMA Sarawak (2016), Pulau Pinang berjaya meraih 26 emas, 12 perak dan 29 gangsa, melalui pungutan ini, kita (Pulau Pinang) berjaya baiki kedudukan keenam berbanding SUKMA Perlis (2014) di

kedudukan ketujuh.

"Untuk SUKMA Perak tahun ini, sasaran kita adalah untuk meraih 36 pingat emas, 14 pingat perak dan 35 gangsa serta berada di tangga kelima daripada 15 kontinjen yang bertanding," serunya penuh semangat.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Chef De Mission Kontinjen SUKMA Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An dan para pegawai kejurulatihan kontinjen SUKMA Pulau Pinang.

Kon Yeow dalam pada itu turut mengumumkan insentif



KETUA MENTERI sambil diiringi Soon Lip Chee (barisan depan, tiga dari kanan), Farizan Darus (barisan depan, tiga dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mengibarkan bendera Pulau Pinang sebagai simbolik Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Pulau Pinang Ke SUKMA XIX Perak 2018 di sini baru-baru ini.

kewangan baru untuk para atlet yang berjaya membawa pulang pingat kepada negeri Pulau Pinang.

"Insentif bagi acara perseorangan adalah sebanyak RM4,000 bagi pingat emas; perak (RM2,500) dan gangsa (RM1,500), berbanding sebelum ini, RM3,000, RM2,000 dan RM1,000 bagi kategori pingat masing-masing.

"Untuk acara regu (dua) RM2,000 untuk emas, perak (RM1,250) dan gangsa (RM750). Amaun yang ditambah adalah

RM500 bagi emas dan masing-masing RM250 bagi perak serta gangsa" jelasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa bagi kategori berpasukan tiga hingga lima atlet, insentif adalah bernilai RM1,200 bagi emas, perak (RM900) dan gangsa (RM700).

"Manakala insentif untuk berpasukan melebihi lima atlet adalah RM700 bagi emas, perak (RM500) dan gangsa (RM300)," katanya sambil menyatakan bahawa kali terakhir skim

berkaitan dikaji adalah pada 18 tahun lalu.

Turut diumumkan adalah insentif bagi persatuan, jurulatih, kejayaan memecahkan rekod SUKMA dan rekod kebangsaan.

Menurut Kon Yeow, sungguhpun peningkatan tersebut tidak terlalu besar, namun ianya sedikit-sebanyak diharap dapat membakar semangat atlet untuk mengejar kedudukan podium.

Difahamkan, kontinjen Pulau Pinang akan bertanding dalam 29 acara yang dipertandingkan dengan kekuatan 485 atlet.



SOON Lip Chee (barisan depan, kanan sekali) bersama-sama sebahagian atlet di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) White Resort, Balik Pulau.

Naik taraf jaringan tembok laut Esplanade siap Ogos 2021 – KM

GEORGE TOWN – Jaringan tembok laut di kawasan pesisiran popular dekat Padang Kota Lama kini sedang dinaik taraf dan dijangka siap pada Ogos 2021.

Projek yang menelan belanja RM12.2 juta tersebut merangkumi pembinaan semula beberapa bahagian tembok laut sepanjang Jalan Tun Syed Barakbah bermula dari Astaka Medan Renong sehingga ke pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, projek menaik taraf berkenaan adalah perlu memandangkan terdapat hakisan di beberapa bahagian tembok laut akibat hampasan ombak yang kuat.

"Jika dilihat, tembok yang menghadap jalan masih elok, namun, tembok di bahagian laut rosak akibat hakisan ombak.

"Pemasangan cerucuk kepingan (*sheet piling*) akan melindungi tembok daripada hakisan, begitu juga lapisan lindungan tembok batu (*rock revetment*) yang berfungsi sebagai pemecah gelombang ombak akan digunakan

dalam projek ini.

"Selain itu, terdapat longkang di bahagian belakang tembok yang membolehkan air mengalir semula ke laut sekiranya ada gelombang ombak yang besar terutama ketika perubahan monsun," ujarnya yang ditemui sejurus merasmikan kerja-kerja menaik taraf 19 Ogos lalu di sini.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengarah Program Think City Sdn. Bhd. (Think City), Murali Ram.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata, sembilan bulan pertama kerja-kerja menaik taraf akan merangkumi kawasan sekitar taman permainan kanak-kanak sehingga ke Tugu Peringatan Perang Cenotaph (seksyen C) dan dari astaka (Astaka Kota Selera) sehingga ke pangkalan

TLDM (seksyen E).

"Kemudian kerja-kerja akan diteruskan sepanjang kawasan hadapan Astaka Medan Renong (seksyen A) sehingga ke hadapan Dewan Sri Pinang (seksyen B) yang mana kawasan ini akan ditutup selama 12 bulan.

"Diikuti pula kerja-kerja di sepanjang 193 meter dari tugu perang sehingga ke pintu masuk astaka (seksyen D) yang dijangka memakan masa kira-kira 15 bulan.

"(Dan) kerja-kerja menaik taraf ini merupakan projek yang komprehensif dan merupakan sebahagian daripada Pelan Induk Pinggir Laut Utara Pulau Pinang dari Dewan Sri Pinang, dua astaka makanan, *Fort Cornwallis*, menara jam dan Dewan Bandaraya," jelasnya.

Difahamkan, projek berkaitan dilaksanakan di bawah Pelan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town yang diuruskan oleh Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan George Town (GTCDC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri, MBPP, Think City dan Aga Khan Trust for Culture.

Pulau Pinang punya potensi besar dalam sektor akuakultur – Timbalan Menteri

Teks dan Gambar : **WATAWA
NATAF ZULKIFLI**

BATU UBAN – Pulau Pinang menyumbang sebanyak RM1.6 bilion daripada RM3 bilion jumlah keseluruhan hasil akuakultur (perikanan) negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Menurutnya, prospek perikanan di negeri ini wajar diperluaskan bagi menjamin pendapatan lumayan sektor tersebut.

"Ini merupakan suatu *success story*, Pulau Pinang ini negeri kecil, tetapi berjaya serta berpotensi besar dalam sektor perikanan negara.

"Ini adalah satu kekayaan dan harta baharu bagi negeri (Pulau Pinang) sebenarnya... kita kena lihat isu ini sebagai sesuatu yang ke hadapan," kata beliau pada sesi lawatan ke tapak perusahaan ikan sangkar dekat Pulau Jerejak di sini 1 September lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung; Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Nor Aisyah Abu Bakar dan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Pinang, Raja Khalid Raja Ariffin.

Pada lawatan tersebut, turut berlangsung sesi dialog berkaitan nelayan pantai, pencerobohan bot-bot besar menggunakan pukat terlarang, isu bekalan air, bekalan elektrik ke sangkar ikan serta isu-isu perikanan.

Mengulas lanjut, Tze Tzin yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru menyatakan bahawa bagi menggalakkan industri penternakan ikan dalam sangkar, beliau berharap Kerajaan Negeri dapat meluluskan beberapa kawasan sementara (TOL) bagi

tujuan berkaitan.

"Turut dicadangkan adalah agar industri penternakan ikan dalam sangkar ini diperluas dengan gabungan bersama-sama sektor pelancongan.

"Kita boleh datangkan pakej iaitu menyediakan penginapan, bersantai sambil memancing dan menyediakan masakan segar ikan yang ditangkap kepada pengunjung.

"Malah, bagi nelayan, gembira juga saya sarankan agar ditubuhkan koperasi-koperasi bagi menggalakkan perkembangan industri ikan sangkar," ujarnya lagi.



SIM Tze Tzin (tujuh dari kanan) pada sesi lawatan ke tapak perusahaan ikan sangkar di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri meriahkan jamuan Aidiladha dan bulan kemerdekaan

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir memeriahkan majlis jamuan Rumah Terbuka Hari Raya Aidiladha dan Sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia 2018 anjuran Persatuan Bolasepak Bandaraya George Town dekat Jalan Irrawadi di sini.

Turut sama, Setiausaha Politik beliau, Teh Lai Heng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar dan Presiden Persatuan Bolasepak Bandaraya George Town, Ahmad Shah.

Selain menikmati juadah seperti nasi minyak, ayam masak merah, ikan siakap tiga rasa, jelatah dan sambal sotong kering, para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan tarian singa serta bunga api.

Kon Yeow dalam ucapannya menzahirkan rasa terima kasih kepada pihak penganjur kerana bukan sahaja mengadakan rumah terbuka sempena Aidiladha dan kemerdekaan, tetapi juga meraikan pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru.

"Saya tidak sangka majlis ini dihadiri begitu ramai orang, saya cuma menjangkakan untuk datang dan minum sahaja di sini, tetapi diraikan pula dalam majlis yang meriah ini," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota pada penganjuran bertarikh 30 Ogos lalu.

Dalam majlis sama, Kon Yeow turut berkesempatan merakamkan penghargaan kepada Persatuan Bolasepak Bandaraya George Town atas inisiatif berterusan dalam memartabatkan sukan bola sepak di negeri ini.

Majlis tersebut juga meraikan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Westlands yang cemerlang dalam kurikulum.



JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN LOT PERNIAGAAN / PAMERAN PESTA PULAU PINANG 2018

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tawaran seperti berikut berikut :

Bil	No Rujukan	Tajuk	Tawaran dibuka kepada	Tarikh Jualan Borang / Lawatan Tapak	
1	JKNPP 5 / 2018	Cabutan Undi untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2018.	Semua	Tarikh : 24 September sehingga 28 September 2018 (Ismin hingga Jumaat) Tempat : Bilik Mesyuarat, Tingkat 1, Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang Jam : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari (Pendaftaran) 2.00 petang – 5.00 petang (Cabutan Undi)	Tarikh Cabutan Undi : 16, 17 & 18 Oktober 2018 (Selasa, Rabu & Khamis) Jam : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari (Pendaftaran) 2.00 petang – 5.00 petang (Cabutan Undi)
2	JKNPP 6 / 2018	Sebut Harga untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2018.	Semua	9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.45 petang – 4.30 petang	Tarikh Tutup : 8 Oktober 2018 Jam : 12.00 tengah hari

1. Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang ingin menyertai tawaran ini hendaklah mendapatkan borang penyertaan di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran RM 10.00 dikenakan bagi setiap borang penyertaan yang dijual dan **satu borang hanya terhad untuk satu lot sahaja. Borang tidak boleh difotostat.**
2. Dokumen **Sebut Harga** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul**. Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang** sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas.

Kementerian, BNM diseru muktamadkan pakej pinjaman rumah

Gambar : ADUN

SEBERANG JAYA - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Bank Negara Malaysia (BNM) diharap dapat memuktamadkan pakej-pakej pinjaman perumahan mampu milik untuk pembeli unit kediaman kali pertama, menjelang akhir tahun ini juga.

Malah, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan terus memastikan penyediaan perumahan mampu milik untuk (rakyat) di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pembukaan Ekspo Perumahan Mampu Milik dan Pasaran Sekunder anjuran *Property Queen* dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang di sini 25 Ogos 2018.

Jagdeep yang juga Pengurus Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) memberitahu bahawa sehingga kini, sejumlah 28,915 unit rumah mampu milik telah dibina.

Menurutnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, sejumlah 22,065 unit rumah mampu milik lain sedang dibina, selain 32,212 (unit) kediaman telah diluluskan untuk projek pembangunan.

"Jumlah keseluruhan rumah mampu milik yang telah disediakan adalah 82,472 unit," jelasnya, lalu membuat



JAGDEEP Singh Deo (barisan depan, tiga dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, jawatankuasa pengajur dan para pengunjung merakam gambar kenangan bersempena pengajuran Ekspo Perumahan Mampu Milik dan Pasaran Sekunder di sini baru-baru ini.

lawatan ke beberapa gerai pameran perumahan terpilih pada pengajuran berkaitan.

Berdasarkan angka 82,472 unit kediaman itu, menurut Jagdeep, sekaligus menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini berjaya mengotakkan janji dalam Manifesto Pilihan Raya Umum

Ke-14 (PRU14) iaitu menyediakan 75,361 unit kediaman kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik (RMM) di negeri ini.

Difahamkan, ekspo selama dua hari sehingga 26 Ogos 2018 menyediakan 22 kiosk pameran lebih 10,000 unit kediaman pelbagai kategori untuk pengunjung di sini.

Pembekalan RMM mencukupi, TPM80PP diteruskan - Exco

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

SUNGAI PINANG – Penduduk Pangaspuri Mutiara Idaman I mampu menarik nafas lega apabila bumbung blok yang rosak akibat diterbangkan angin kencang dalam kejadian 8 Ogos lalu telah dibaiki segera melalui peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika mengumumkan kelulusan segera dana berkenaan berkata, melalui tabung TPM80PP, pihaknya telah bersetuju untuk membiayai sebanyak 80 peratus daripada nilai keseluruhan kerja pemberian serta penggantian bumbung yang berjumlah RM28,250.

"Kita setuju memberikan bantuan segera sebanyak RM22,600, manakala bakinya iaitu 20 peratus (RM5,650) kebiasaannya dibiayai penduduk."

"Bagaimanapun, akibat keprihatinan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, beliau telah bersetuju untuk membiayai ia tanpa memerlukan para penduduk mengeluarkan apa-apa kos," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi berkenaan di sini 21 Ogos lalu.

Hadir sama, Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan) Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff dan Pengurus Badan Pengurusan

Pangaspuri Mutiara Idaman I, Abdul Aziz Naina Mohamad.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, kerja-kerja pemberian mengambil tempoh seminggu.

"Kerja-kerja ini mesti disegearkan dan pada masa sama, kualiti kerja mesti dipatuhi," serunya.

Pada sidang media sama, Jagdeep turut memaklumkan bahawa pihaknya mensasarkan 100,000 unit rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan rumah mampu milik (RMM) dibina menjelang tahun 2020.

Menurut beliau, sasaran untuk membina 75,000 unit KR, KSR dan RMM dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) telah dapat dipenuhi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 82,000 unit selepas 100 hari Pilihan Raya Umum berlalu.

"Kini, kita (Kerajaan Negeri) mensasarkan sebanyak 100,000 unit menjelang tahun 2020."

"Selain pembekalan RMM yang mencukupi, Kerajaan Negeri juga berjanji meneruskan program-program penyelenggaraan melalui TPM80PP."

"Menurut rekod sebelum PRU14, sebanyak 247 projek dengan nilai RM22 juta telah diselenggara membabitkan lima daerah di Pulau Pinang."

"Dan, sehingga 21 Ogos 2018, penambahan projek adalah berjumlah 269 (projek) yang diluluskan dengan nilai RM24 juta," jelas Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat.

Pantai Robina bakal dinaik taraf sebagai lokasi sukan, rekreasi

TELOK AIR TAWAR - Pantai Robina di sini akan dinaik taraf sebagai kawasan sukan dan rekreasi awam tidak lama lagi, jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad.

Menurut Mustafa Kamal, semua kemudahan awam yang rosak di sini akan dibaiki oleh pihak Kerajaan Negeri sendiri.

"Buat masa ini, pelbagai pembangunan direncanakan oleh tiga Exco iaitu Pelancongan, Belia dan Sukan serta Kerajaan Tempatan bagi memastikan kawasan Pantai Robina menjadi salah satu lokasi tumpuan pengunjung di Seberang Perai."

"Lokasi Pantai Robina adalah amat strategik, malah pemandangan juga menarik."

"Namun, beberapa perkara perlu dipertingkatkan, antaranya, langkah pencerahan di sekitar kawasan pantai," jelasnya selepas mengiringi Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee melawat sekitar pantai berkenaan di sini 20 Ogos 2018.

Sebelum itu, Lip Chee berkata, pihaknya akan berbincang dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengenai isu laluan pejalan kaki di Pantai Robina yang agak gelap pada sebelah malam, dan memerlukan pencahayaan untuk tujuan kawasan rekreatif malam.



SOON Lip Chee (kiri sekali) diberi penjelasan oleh pemimpin komuniti setempat mengenai keadaan kemudahan infrastruktur dan fasiliti dekat Pantai Robina di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga ADUN Bagan Jermal memberitahu pemberita bahawa lawatannya ke sini adalah susulan perbahasan Mustafa Kamal di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini, yang membangkitkan isu Pantai Robina terbiar dengan pelbagai infrastruktur serta fasiliti rosak akibat vandalisme.

Sektor pertanian enjin pembangunan negara - Ahmad Zakiyuddin

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

BERTAM – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan senantiasa menjadi pemudah cara kepada golongan peladang, petani, penternak dan nelayan, demi menggalakkan pengeluaran hasil di negeri ini.

"Memandangkan sektor pertanian kini diiktiraf sebagai enjin pembangunan negara yang ketiga.

"Kerajaan sedar akan kepentingan sektor pertanian kepada pembangunan negara dan telah mengangkat martabat sektor ini dengan meletakkan ia sebagai *the third engine of national growth*," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Peladang Negeri Pulau Pinang di sini 30 Ogos lalu.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, ketika ini, pertumbuhan paling tinggi dalam sektor pertanian adalah melibatkan pengeluaran ayam, itik, sayur, akuakultur dan buah-buahan.

Justeru, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal menyatakan bahawa Kerajaan

percaya sektor pertanian dapat menjadi penyumbang kepada pencapaian status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun depan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin menyatakan bahawa Pulau Pinang mempunyai kawasan tanaman padi seluas 12,783 hektar (ha) termasuk dalam dan luar jelapang, menyumbang sebanyak 25 peratus keluasan padi di seluruh negara.

"Saya difahamkan purata pencapaian hasil metrik tan per ha juga adalah memberangsangkan iaitu 6 metrik tan/ha ke atas," jelasnya sambil menegaskan bahawa sektor pertanian adalah penting demi memastikan bekalan makanan negara terjamin.

Ahmad Zakiyuddin dalam pada itu turut menyatakan bahawa kegigihan kira-kira 12,000 anggota Persatuan Peladang Negeri Pulau Pinang yang terlibat dalam pengeluaran hasil dalam sektor tersebut, sekaligus menyumbang kepada perkembangan sektor perniagaan serta industri pertanian negara.

Sebelum itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang, Datuk Ismail Umar berkata, pihaknya telah menyatakan hasrat kepada Menteri Pertanian, Datuk Salahuddin Ayub supaya segala subsidi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tiga dari kiri) menyampaikan dokumen berkaitan kepada salah seorang penerima bersempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Peladang Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

terdahulu diteruskan kini.

Justeru, Ismail berharap pentadbiran Ahmad Zakiyuddin turut membawa mesej sama berhubung isu subsidi pertanian kepada pucuk pimpinan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang, Hadriyani

Ahmad; Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang, Abdul Razak Mat Yusoff dan Timbalan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri, Zulkifli Muhammad turut serta majlis perasmian pembukaan mesyuarat agung tahunan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tersebut.

Projek komuniti naik taraf P84 jangka selesai Disember

KEBUN BUNGA – Jagdeep Singh Deo menyambut baik projek komuniti untuk menaik taraf ruang awam di laluan pendakian Point 84 (P84) ke Bukit Bendera.

Beliau yang merupakan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa hadir menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Menaik Taraf P84 Bukit Bendera yang berlangsung di sini 27 Ogos lalu.

Katanya, projek komuniti tersebut dianggarkan bernilai RM250,000 bagi mendirikan semula ruang awam, tempat rehat untuk kemudahan para pendaki serta penunggang basikal yang menggunakan laluan tersebut.

"Selari dengan moto Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri ini sebagai Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, kita (Kerajaan Negeri) umumnya menyokong projek komuniti seperti ini dibangunkan."

"Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menyediakan reka bentuk bagi projek baik pulih P84 ini, dan kerja-kerja dijangka selesai pada Disember 2018."

"Di samping itu, dana akan diusahakan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan melakukan kutipan ikhlas daripada pihak-pihak berkaitan sebagai membantu menampung kos projek pembinaan ini," ujar Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Hadir sama, ADUN Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai; Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengurus Besar Perbadanan Bukit Pendera Pulau



SEBAHAGIAN pendaki menunjukkan tanda bagus pada lakaran grafik P84 yang bakal dinaik taraf.

Pinang (PHC), Cheok Lay Leng dan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.

Difahamkan, beberapa syarikat korporat di Pulau Pinang juga telah menyatakan kesudian untuk menjadi penyumbang kepada projek yang tidak melibatkan dana sektor kerajaan tersebut.

P84 merupakan pos rehat di pertengahan laluan ke puncak Bukit Bendera bagi pendaki serta penunggang basikal.

Kini, keadaannya hampir ranap berikutnya beberapa kejadian bencana alam yang berlaku beberapa tahun kebelakangan ini.

Mereka yang ingin menyumbang, boleh menghantar emel ke P84.PenangHill@gmail.com.

Bakat generasi muda perlu dihargai, dipupuk supaya dapat dimanfaatkan

PANTAI JEREJAK - Golongan pelajar terutamanya generasi muda digesa supaya bangkit menyerlahkan bakat serta potensi masing-masing dalam mendepani dunia yang serba mencabar kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, menyedari akan hal itu, pentadbirannya kini menjadikan agenda membangun serta menyediakan Pulau Pinang dengan generasi berpengetahuan sebagai intipati utama agar negeri ini suatu hari nanti, menjadi sebuah hab bakat masa hadapan.

Menurut beliau, pihaknya menyedari bakat manusia terutamanya generasi muda adalah perlu dihargai, dipupuk agar setiap potensi yang ada pada diri seseorang belia dapat dimanfaatkan.

"Penang Future Foundation (PFF) direka bentuk khas kepada calon-calon pelajar yang dapat mengkalkan prestasi akademik cemerlang."

"(PFF) ia memberi ruang dan peluang untuk pelajar-pelajar cemerlang menyambung kepimpinan kini agar menjadi pemimpin masa hadapan," ujarnya pada Majlis Jamuan Tengah Hari PFF di sini 18 Ogos lalu.

Antara Jawatankuasa Pemilihan PFF yang hadir ialah Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff dan Dato' Loo Lee Lian.

Pada majlis berkaitan, kira-kira 300 penerima biasiswa PFF diraikan dengan 24 calon daripadanya turut menerima sijil pengiktirafan khas ekoran telah menamatkan pengajian di dalam bidang masing-masing.

Difahamkan, bagi tahun 2018, daripada keseluruhan calon ditemuduga, seramai 30 pelajar layak menerima Biasiswa Mutiara dan PFF (88).

Bahang APMG tiba di kemuncak

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF & SUNARTI YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN - Bahang temasya Asia Pacific Masters Games Penang 2018 (APMG) sampai ke kemuncak apabila larian obor kejohanan berkaitan tiba di Pulau Pinang pada 2 September lalu.

Larian obor yang bermula di Kudat, Sabah sejak 28 April lalu berakhir pada acara kemuncak pembukaan rasmi APMG pada 8 September 2018 di sini.



AR. Yew Tung Seang dan Heng Lee Lee membawa obor APMG dari Hentian R&R Bagan Ajam merentasi Selat Melaka sehingga ke Persiaran Gurney.



TEH Lai Heng mengetuai delegasi sambutan larian obor di Komtar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyertai acara larian obor APMG bermula dari Padang Kota Lama ke Panggung Odeon dengan menaiki kereta kuda sambil diiringi kira-kira 100 pelari.

Obor itu kemudiannya dibawa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dari Panggung Odeon menuju ke Komtar.

Kon Yeow sebelum itu dalam ucapannya berkata, larian obor yang berjaya disempurnakan telah memasyhurkan nama Pulau



KETUA MENTERI mengetuai delegasi kepimpinan Kerajaan Negeri dalam larian obor APMG yang tiba di Pulau Pinang baru-baru ini.

Pinang di segenap pelosok negeri di Malaysia.

Diharap dengan larian obor ini yang bermula di Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan berakhir di Pulau Pinang akan dapat memasyhurkan lagi nama negeri.

“Syabas dan terima kasih kepada semua termasuk Datuk Bandar yang telah mendapatkan kerjasama daripada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Malaysia untuk sama-sama memeriahkan larian ini,” ujarnya sambil menyatakan harapan agar sukan tersebut dapat dilaksanakan dalam suasana baik dengan semangat persaudaraan, semangat kesukanan serta semangat Malaysia baharu.

Hadir sama, Presiden Penganguran Sukan APMG yang juga Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender

dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa penganguran APMG telah dilaksanakan mengikut standard yang begitu tinggi.

“Saya percaya selepas penganguran ini berakhir di Pulau Pinang selaku bandar raya tuan rumah, pasti tidak ada bandar raya lain yang akan berani menawarkan diri sebagai tuan rumah untuk penganguran seterusnya.

“Ini kerana ia telah mencapai standard yang begitu tinggi... tetapi hanya menggunakan bajet yang begitu sedikit sahaja,” ujar beliau sambil disambut tepukan gemuruh hadirin.

Sukan APMG 2018

berlangsung dari 7 hingga 15 September 2018 dengan mempertandingkan 22 acara sukan secara keseluruhannya.

Sementara itu, Tung Seang pada 2 September lalu turut mengetuai pasukan renang membawa obor APMG bermula dari Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Bagan Ajam merentasi Selat Melaka sehingga ke Persiaran Gurney.

Turut menyertai pasukan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee, perenang profesional negara, Kevin Yeap Soon Choy dan Angelia Ong Su Lin.

Sebelum itu, obor berkenaan diserahkan kepada Tung Seang oleh Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud selepas dibawa mengelilingi ke seluruh Seberang Perai sejak 31 Ogos lalu.

Lokasi rasmi APMG: kerja naik taraf Stadium Bandaraya siap

Gambar : ALISSALA THIAN

DATUK KERAMAT – Kerja-kerja menaik taraf Stadium Bandaraya yang menjadi lokasi utama majlis perasmian temasya Asia Pasific Masters Games 2018 (APMG) siap sepenuhnya mengikut jadual.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kerja-kerja menaik taraf stadium yang bermula Mac 2017 itu menelan belanja lebih RM13 juta.

“Daripada jumlah tersebut, RM11 juta daripadanya digunakan untuk menaik taraf Stadium Bandaraya (Fasa 2), dan baki perbelanjaan digunakan untuk kerja-kerja membaik pulih litar lumba (trek) yang baharu,” ujarnya selepas sesi lawatan di lokasi berkaitan di sini 1 September lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam merangkap Presiden Pengangur APMG 2018, Chong Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif APMG 2018, Linda Geh.

Menurut Kon Yeow, keputusan menjadikan Stadium Bandaraya sebagai lokasi perasmian serta gelanggang sukan jenis track and field APMG adalah memerlukan

penambahbaikan kepada prasarana stadium sedia ada.

“Atas dasar itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan sedia ada, grand stand, tempat duduk baharu untuk penonton, litar lumba (trek), tandas dan peralatan.

“Kini, stadium ini mempunyai tambahan 5,618 tempat duduk (bucket seat) di grand stand baharu dengan kapasiti keseluruhan yang mampu menampung 20,000 pengunjung untuk keseluruhan stadium,” ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Pada sidang media sama, Kon Yeow turut merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan dan tajaan daripada pelbagai pihak bagi menjayakan hasrat Pulau Pinang sebagai tuan rumah kepada sukan berprestij berkenaan.

“Walaupun Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan sebanyak RM4.5 juta untuk sukan ini, namun ia adalah tidak mencukupi untuk menampung bajet keseluruhan penganguran.

“Di sinilah datangnya sokongan dan sikap murni pelbagai pihak dengan memberikan bantuan serta tajaan yang mencecah kepada RM2 juta,” jelasnya.



KEADAAN Stadium Bandaraya yang siap dinaik taraf.

Kaedah-kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 bakal diwarta

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri bakal mewartakan Kaedah-kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 di bawah Seksyen 14, Kanun Tanah Negara sebagai garis panduan pengoperasian pengkuarian di negeri ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Kaedah-kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 telah diluluskan melalui mesyuarat Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini.

"Pewartaan kaedah ini bukanlah sebagai hukuman kepada operator kuari di negeri ini, sebaliknya adalah sebagai garis panduan pengoperasian pengkuarian dalam usaha memastikan kemampunan alam sekitar.

"Tambahnya pula, Kerajaan Negeri sememangnya berniat untuk membantu meningkatkan keselamatan dan mengawal persekitaran kuari-kuari yang ada di negeri ini.

"(Dan) operator-operator kuari perlu memastikan mereka dapat menjadi 'emain' yang bertanggungjawab bagi mewujudkan keharmonian persekitaran ruang kerja," ucapnya pada Majlis Perasmian Seminar Quarry Operational Safety and Environmental Control Measures di sini baru-baru ini.



PHEE Boon Poh.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Datuk Shahar Effendi Abdullah Azizi; Presiden Persatuan Kuari Pulau Pinang, Saw Kok Peng dan Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Azhari Ahmad.

Boon Poh dalam pada itu menegaskan bahawa setiap polisi yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bagi membolehkan setiap organisasi berwajib dalam lapangan masing-masing mencapai tahap yang dinamik dan efisien.

"Malah, ia juga membantu organisasi berwajib ini untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam memenuhi ekspektasi semua pihak khasnya di peringkat komuniti.

"Atas dasar itu, jalinan usahasama yang jitu antara agensi kerajaan dan stakeholders menjadi elemen terpenting dalam memastikan kejayaan sesuatu polisi baru itu," katanya.

Sebagai rekod, di Pulau Pinang, terdapat 14 kuari berlesen iaitu lapan masih aktif menjalankan aktiviti pengkuarian, tidak aktif (5) dan ditutup (1).

Penang2030 tidak kecualikan pembangunan sosioekonomi Muslim

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, melalui pelaksanaan pelan tindakan visi Pulau Pinang 2030 (*Penang2030*), Kerajaan Negeri tidak akan meminggirkan pembangunan sosioekonomi mana-mana kaum di negeri ini.

Malah, Kerajaan Negeri akan terus memberikan penekanan terhadap teras utama Pulau Pinang 2030 agar memanfaatkan semua pihak.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Agenda Pembangunan Sosio Ekonomi Muslim (APEM) anjuran Gabungan Liga Muslim Pulau Pinang dan Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM).

Menurut Kon Yeow, visi Pulau Pinang 2030 bukanlah sekadar wawasan negeri semata-mata, sebaliknya merupakan pelan tindakan yang perlu direalisasikan.

"Sebelum ini, sudah banyak rangka tindakan (*blueprint*), pelan konsep dan *masterplan* dirangka, namun hanya kekal begitu tanpa tindakan.

"Oleh itu, saya mahu melihat pelan-pelan dan perancangan yang ada diterjemahkan dalam pelan tindakan untuk melihat *outcomes* yang sewajarnya, bukan sekadar syor sahaja.

"(Dan) pelan tindakan ini perlulah mempunyai tunjang utama untuk dijadikan panduan (seperti visi) Pulau Pinang 2030 yang mempunyai tunjang fokus kekeluargaan dan menjadi negeri hijau serta pintar," ujarnya di hadapan kira-kira 200 peserta yang hadir pada Konvensyen APEM di sini 2 September lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Presiden PERMIM, Dhajudeen Shahul Hameed.

Konvensyen yang julung kali diadakan itu, antara lain menggariskan empat cadangan untuk diselaraskan dengan hasrat Kerajaan Negeri.

Antaranya, mencadangkan diwujudkan aplikasi pintar industri makanan, meremajakan semula kawasan Muslim enclaves iaitu merangkumi kawasan Lebuh Ah Quee sehingga ke Masjid Kapitan Keling dengan menjenamakan semula sebagai 'Gold Bazaar'; menaik taraf 15 lokasi yang menjual makanan jalanan sekitar George Town dan mengeksport makanan jalanan Pulau Pinang ke persada antarabangsa.

Kon Yeow sebagai respons memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan sedaya-upaya meneliti cadangan yang dikemukakan dan tidak akan mengecualikan pembangunan sosioekonomi Muslim di negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan memainkan peranan dalam menyokong dan membantu pembangunan sosioekonomi masyarakat India Muslim dan Bumiputera di negeri ini agar selaras dengan pelaksanaan visi Pulau Pinang 2030.

"Jadi, saya ingin mengalu-alukan, sekiranya ada, mana-mana pihak atau badan bukan kerajaan (NGO) serta *stakeholders* yang ingin berkolaborasi untuk menjayakan matlamat ini bersama-sama (Kerajaan Negeri serta agensi berwajib).

"Ambillah peluang ini kerana pelan tindakan 12 tahun (Pulau Pinang 2030) ini masih terbuka untuk semua yang ingin menjayakannya," ulasnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada Gabungan Liga Muslim Pulau Pinang, PERMIM dan Persatuan-Persatuan Muslim Pulau Pinang yang turut berkolaborasi menjayakan pengajuran konvensyen berkaitan.

Dalam majlis sama, Pengurus APEM, Datuk Najmudeen Kader turut menyampaikan rumusan menyeluruh APEM dan Resolusi Pembangunan Sosioekonomi Muslim.

Di samping itu, para peserta juga berpeluang berinteraksi secara langsung bersama-sama Ketua Menteri dan Datuk Bandar.

Difahamkan, pada sebelah pagi, dua sesi perbincangan diadakan yang menyentuh isu usahawan dan industri makanan di Pulau Pinang serta agenda pembangunan ekonomi pelancongan Muslim Pulau Pinang.

DAFTAR SEKARANG!

KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB)
الكلية الإسلامية التكنولوجية العالمية بينانج
PENANG INTERNATIONAL ISLAMIC TECHNOLOGY COLLEGE

PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT
22 SEPTEMBER 2018 | SABTU | 9PG - 4PTG

PROGRAM PERSIJILAN

- SIJIL INTENSIF BAHASA ARAB DAN BAHASA INGGERIS
(SP/IBPP (K) 1000 - 600/P/21/Jd.2 (27) - IR/AJP/00 137)(01 Februari 2021)
 - 4 Bulan / SATU Semester Pengajian
- SIJIL TAHFIZ AL-QURAN (30 JUZUK)
(SP/IBPP (K) 1000 - 600/P/21/Jd.2 (27)(01 Februari 2021)
 - 3 Semester / SATU Tahun Pengajian
- SIJIL HAFAZAN (SETIAP 5 JUZUK)
(SP/IBPP (K) 1000 - 600/P/21/Jd.2 (27)(01 Februari 2021)
 - MOA Bersama Sekolah-Sekolah Hafiz dengan temar dan syarat.
- SIJIL BAHASA ARAB
(SP/IBPP (K) 1000 - 600/P/21/Jd.2 (27)(01 Februari 2021)
 - 3 Semester / SATU Tahun Pengajian.
 - Setiap Hari SABTU sahaja.

SEPENUH MASA DAN HUJUNG MINGGU

PROGRAM DIPLOMA

- DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN
(R/221/4/0014)(A5327)(04 Mac 2021)
 - SPM Min. 3 kredit . Lulus B. Arab Tinggi / Komunikasi / Lulus Sijil Intensif B. Arab & B. Inggeris KITAB Lulus Temuduga
- DIPLOMA SYARIAH
(R/221/4/0138)(A6171)(24 Disember 2020)
 - SPM Min. 3 Kredit
- DIPLOMA KEWANGAN ISLAM
(R/343/4/0162)(A8104)(13 Disember 2019)
 - SPM Min. 3 Kredit. Lulus Matematik dan B. Inggeris

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

- SARJANA MUDA SYARIAH – JURUSAN AL-AHWAL SYAHSHIYAH
(N/221/6/0062)(MGN/FA1502)(Julai 2022)
 - Program Kerjasama KITAB dan UINSU, Medan. Calon adalah pemegang berkelayakan Diploma dari KITAB atau lulus Diploma yang diiktiraf dan setaraf.

Higher Islamic Education Hub In Penang

Untuk penjelasan lanjut, hubungi KITAB di talian
04-835 1688 / 04-827 2216 04-835 1689
info@kitab.edu.my www.kitab.edu.my

Bangunan Tahfiz, Kompleks Masjid Negeri, Jalan Air Itam, 11400 Georgetown, Pulau Pinang.

'Sayangi Penangku Hunt', tingkat kefahaman PTMP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Dalam usaha meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menganjurkan program ‘Sayangi Penangku Hunt 2018’ baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, program yang julung kali diadakan itu merupakan siri pertama seumpamanya.

“Program ini diadakan supaya rakyat Pulau Pinang faham matlamat Kerajaan Negeri untuk melaksanakan PTMP yang merangkumi beberapa projek utama, dan antaranya (projek) LRT dari Komtar ke Bayan Lepas.

“Melalui program ini, tapak-tapak cadangan stesen LRT Komtar, Macallum dan Sungai Pinang diperkenalkan,” katanya pada majlis penutupan program berkaitan di Persiaran Karpal Singh di sini.

Sebelum itu, acara pelepasan peserta di bangunan Komtar disempurnakan oleh Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir,

Zairil Khir Johari dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Menurut Kon Yeow, untuk menyelesaikan masalah pengangkutan dan kesesakan lalu lintas di negeri ini, PTMP memainkan peranan yang penting.

“Antaranya, PTMP menggunakan pendekatan holistik dengan memastikan ketercapaian (*accessibility*) dan ‘moving people, not cars’.

“Selain memastikan jalan raya selamat dan mesra pengguna, PTMP juga memacu ke arah mengoptimumkan penggunaan pengangkutan awam dengan mod 40 peratus pengangkutan serta 60 peratus kenderaan persendirian.

“PTMP juga memastikan integrasi antara sistem pengangkutan dan rancangan pembangunan di kawasan pulau dan Seberang Perai dengan menyampaikan sistem pengangkutan pelbagai modal,” katanya yang mengulangi kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan projek di bawah PTMP difahami dan memanfaatkan semua pihak.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa dokumen permintaan bagi cadangan atau RFP PTMP dipamerkan kepada umum bermula 5 September sehingga 4 Oktober 2018 di Dewan Sri Pinang.



ZAIRIL Khir Johari (kanan sekali) dan Teh Lai Heng (kiri sekali) menyempurnakan acara pelepasan peserta.

Warga pendidik perlu jalin hubungan dua hala dengan kerajaan

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, jumlah tenaga kerja dan modal insan yang mencukupi menjadi asas utama kepada pembangunan sosioekonomi di negeri ini.

Tambahnya, tanpa tenaga kerja yang mencukupi, segala perancangan yang direncanakan oleh kerajaan pastinya tidak akan menjadi kenyataan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) Sempena Hari Sukan NUTP Kali Ke-7 di sini baru-baru ini.

“Saya amat mengalui-alukan cadangan yang disuarakan Chan Thye Choon (Timbalan Presiden NUTP [Semenanjung Malaysia]), iaitu warga pendidik di sekolah-sekolah perlu menjalinkan hubungan dua hala dengan kerajaan.

“Saya percaya negeri-negeri lain juga

pasti akan berbuat demikian demi manfaat profesion perguruan dan para pelajar dalam mewujudkan suasana persekitaran yang lebih kondusif untuk pembelajaran.

“(Dan) pastinya, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mahu mengeratkan lagi jalinan dua hala dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), tambahan dengan peralihan kerajaan di peringkat Persekutuan, kita kini adalah sebuah ‘keluarga’,” ujarnya.

Hadir sama, Setiausaha Agung NUTP (Semenanjung Malaysia), Harry Tan Huat Hock; Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank Malaysia (NUBE), Abdul Jamil Jalaludeen dan Pengarah JPNPP, Mohd. Jamil Mohamed.

Terdahulu, Thye Choon dalam ucapannya turut berharap agar jalinan kerjasama lebih erat dengan Kerajaan Negeri dapat direalisasikan.



KETUA Menteri mengetuai delegasi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mengayuh basikal menuju ke garisan penamat di Persiaran Karpal Singh pada penganjuran ‘Sayangi Penangku Hunt’ baru-baru ini.

Terdahulu, seramai 200 peserta mengambil bahagian dalam program ‘Sayangi Penangku Hunt 2018’ anjuran Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Difahamkan, untuk menyelesaikan tugas, para peserta perlu menggunakan pelbagai pengangkutan termasuk berjalan kaki, menaiki bas perantara dan basikal tanpa menggunakan kereta bermula dari Komtar dan berakhir di Persiaran Karpal Singh.

Hadir sama memeriahkan penganjuran, Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan & Kesenian, Yeoh Soon Hin; Ahli Parliment Jelutong, R.S.N. Rayer; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; ADUN Bertam, Khalid Mehtab Mohd. Ishaq; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen.

Datuk Bandar bagi MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Ketua Unit Special Purpose Vehicle Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Lim Hock Seng juga turut serta.

TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0
每日无免费塑胶袋 2.0
mulai 01 Mac 2017 自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.
霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

Pendaftaran boleh dilakukan di:
可在以下地点登记：

Bahagian Pelesenan MBPP,
Dewan Bandaraya, Jalan Padang
Kota Lama, 10200 Georgetown,
Pulau Pinang.

槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,
Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

威省市政局一站式柜台

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).
收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama , AES) 计划来作为全州的除贫基金。



Pulau Pinang mampu jadi negeri perintis tangani ancaman obor-obor

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : ALVIE CHENG

TELUK BAHANG - Kerajaan Negeri Pulau Pinang tekad dalam memastikan kualiti air laut dan sungai di negeri ini sentiasa bersih serta terpelihara.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam memperkenalkan pelbagai program pemeliharaan kualiti air di negeri ini.

"Di Pulau Pinang, hakikatnya, banyak program pemeliharaan kualiti air dilaksanakan dan ia tidak terhad kepada sungai seperti di Sungai Pinang, malah juga di laut.

"Program-program ini penting dalam menangani ancaman obor-obor yang bukan sahaja ada di perairan Pulau Pinang, malah turut mengancam perairan dari Phuket sehingga ke bahagian selatan Indonesia.

"(Dan) program-program ini juga penting untuk memastikan bahawa kita (Pulau Pinang) mampu menjadi negeri perintis yang berjaya menangani ancaman obor-obor di perairan negeri ini," ucapnya pada Majlis Perasmian Seminar *The Emerging Jellyfish Threat* di sini 27 Ogos lalu.

Turut berucap, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Dalam pada itu, Jagdeep berkata, selain memperkenalkan pelbagai program pemeliharaan kualiti air, Kerajaan Negeri dengan kerjasama badan berwajib juga memastikan bahawa sebarang pemajuan yang dilakukan di pesisir pantai turut dikawal.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan memastikan para pemaju tidak sesuka hati membuang segala sisa binaan ke dalam laut ataupun saluran air yang mengalir ke laut serta sungai.

"Malah, difahamkan juga, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang juga banyak mengadakan aktiviti pembersihan laut di sini.

"Begitu juga pihak perhotelan di sepanjang pesisir pantai di negeri ini, turut membantu Kerajaan Negeri dalam memastikan tahap kualiti air terjamin dan bersih.

"Hal ini penting, kerana obor-obor hanya tertarik apabila keadaan air laut tidak dijaga rapi dan kotor," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut menzahirkan penghargaan kepada Pusat Pengajaran Samudera dan Pantai (CEMACS), Universiti Sains Malaysia dan MBPP kerana mengambil pendekatan untuk mengadakan seminar berkaitan yang mengumpulkan para petugas MBPP, pengusaha hotel serta pengusaha aktiviti pantai di negeri ini.

"Saya yakin serta percaya dengan adanya seminar sebegini, ia dapat memberikan manfaat kepada semua termasuk mempelajari kaedah rawatan yang betul kepada mangsa sengatan obor-obor dan pemasangan penapis obor-obor.

"Jadi, ambil kesempatan dalam seminar ini untuk menimba seberapa banyak pengetahuan bagi memastikan keselamatan pengunjung dan pelancong terjamin," katanya yang turut menyarankan agar langkah berjaga-jaga perlu diambil meskipun kes sengatan obor-obor amat jarang berlaku di negeri ini.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) memerhatikan demonstrasi yang dilakukan Ar. Yew Tung Seang (dua dari kanan) pada penganjuran Majlis Perasmian Seminar *The Emerging Jellyfish Threat* di sini baru-baru ini.

**PENANG
INTERNATIONAL
Science FAIR**
Inspiring Innovation

10 & 11 November 2018
9am - 6pm
The SPICE, Penang

**EMPOWERING THE
NEXT GENERATION!**

**FREE
ADMISSION**

Fun & Interesting Activities

- Hands-On Activities
- Industry Exhibits
- Competitions
- MakerFest

Organised by

PENANG SCIENCE CLUSTER

www.pscpen.com
www.facebook.com/pscpiif
016411 8887
pisf@pscpen.com

Tapak tanah runtuh Empangan Mengkuang perlu dibaiki segera, seru Ketua Menteri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

PENANTI - Sebanyak 23 tapak tanah runtuh yang dikenal pasti sekitar Empangan Mengkuang perlu segera dibaiki, memandangkan kawasan tersebut turut dibuka untuk rekreasi awam.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memohon Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) mempercepat kerja-kerja yang akan memastikan keselamatan dan fungsi Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP).

"Kami ingin membuka semula Empangan Mengkuang kepada orang awam, tapi terdapat 23 tapak tanah runtuh di sekitar empangan yang belum dibaiki," ujarnya pada lawatan dekat Empangan Mengkuang di

sini 8 September 2018.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin turut serta dalam lawatan kerja berkenaan.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu, Empangan Mengkuang telah diperbesar untuk menyimpan sehingga 73.5 bilion liter air.

Pun begitu, menurutnya, integriti struktur empangan tidak dapat dipastikan sehingga ia dipenuhi pada tahap maksimum iaitu 55 meter (m).

Selain itu, Jaseni menjelaskan bahawa air mentah perlu dipam dari Sungai Kulim untuk mengisi Empangan Mengkuang.

"Bagaimanapun, Rumah Pam Mak Sulong belum lagi berfungsi, dan oleh itu, belum ditauliahkan," katanya.



SUASANA di Empangan Mengkuang.



LAWATAN ke salah satu tapak tanah runtuh oleh Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Difahamkan, MDEP terdiri oleh tiga fasa kerja.

Fasa 1, pembesaran Empangan Mengkuang menelan belanja RM607 juta demi meningkatkan kapasiti simpanan air mentah maksimum daripada 22 bilion liter kepada 73.5 bilion liter. Projek siap pada 10 April 2017, dengan tempoh liabiliti kecakatan sehingga 16 November 2019.

Fasa 2A, menaikkan Rumah

Pam Mak Sulong menelan belanja RM63.5 juta demi meningkatkan kapasiti pam air mentah (daripada 200 juta liter sehari atau MLD kepada 400 MLD) dari Sungai Kulim untuk membantu mengisi Empangan Mengkuang.

Fasa 2B, pemasangan saluran paip 6.85 kilometer (km) bergaris pusat 1.6 meter (m) paip keluli lembut dari Rumah Pam

Mak Sulong ke terusan Sungai Dua untuk menaik taraf kapasiti pengagihan daripada 300 MLD kepada 600 MLD.

Tambah Jaseni, selepas mesyuarat pada 2 April lepas, Menteri bersetuju bahawa projek yang dianggarkan menelan belanja RM100 juta dan masih belum selesai itu akan diteruskan dengan jangkaan siap pada tahun 2020.

PBAPP terima dua anugerah air peringkat kebangsaan

PENANTI - Agensi negeri, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memperoleh dua anugerah peringkat kebangsaan daripada Persatuan Air Malaysia (MWA).

Pertama, Anugerah Pencapaian Industri Air MWA 2018 'Loji Rawatan Terbaik' bagi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, dan satu lagi adalah Anugerah Air untuk Pengurusan 2018.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Dr. Xavier Jayakumar yang menyerahkan kedua-dua anugerah itu kepada Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa di Putrajaya pada 7 September 2018.

Mengulas lanjut, Jaseni dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, anugerah disampaikan Xavier itu adalah keistimewaan yang jarang diperoleh serta menjadi inspirasi

buat kakitangan PBAPP untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan di negeri ini.

"Sebagai penerima individu, saya ingin mendedikasikan Anugerah Air Malaysia untuk Pengurusan 2018 kepada seluruh pasukan PBAPP yang telah bekerja keras dan secara bijak untuk menjadikan PBAPP sebuah organisasi terkemuka dalam bekalan air."

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah PBA Holdings Bhd. dan PBAPP untuk segala bimbingan mereka," ujarnya pada sidang media di sini 8 September 2018.

Sebelum itu, Jaseni mengiringi Kon Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan beberapa lagi pemimpin utama Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melawat Empangan Mengkuang di sini.



KETUA Menteri, Ir. Jaseni Maidinsa (barisan depan, dua dari kiri) menunjukkan anugerah-anugerah yang dimenangi di sini baru-baru ini.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGL YB Dato' Ir. Zakiuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phoo Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Hajji Abdul Halim Hussain pusatkhdmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeooh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khalid Mehtab Mohd. Ishaq	(T)
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 8133 509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T)
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakapn20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21.adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen n27dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Arumugam	(T)
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkify Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Dato' Jasmin Mohamad jmmohamed002@gmail.com	(T) 018 - 468 6610
N.05 SUNGAI DUA Yusri Isahak ysrregnot@gmail.com	(T) 019 - 337 4055

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
OPERATOR ANTARABANGSA	101		04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
NEGERI		(BUTTERWORTH)	04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	CAP	04-829 9511
EPF	04-226 1000	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
SOCSCO	04-238 9888	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
			04-229 8555

24 JAM HACKATHON DATA TERBUKA PULAU PINANG 2018

24H PENANG OPEN DATA HACKATHON 2018

29-30 SEPT | DEWAN SRI PINANG
2018 | GEORGE TOWN, PULAU PINANG

PENDAFTARAN : <https://hackathon.penang.gov.my>

HADIAH

TEMPAT PERTAMA - RM5,000.00 + TROFI

TEMPAT KEDUA - RM3,000.00

TEMPAT KETIGA - RM1,000.00



29hb - 30hb September 2018

24 Jam Hackathon Data Terbuka Pulau Pinang 2018

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonysamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Elempuru Valuthi	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556 018 - 467 0037
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	Nakulan A/L Muthumanikam	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	010 - 462 0073

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvinder Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harrng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

 www.buletinmutiara.com
 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)
 [@chowkonyeow](#)

Peruntukan diluluskan, kerja lebar Sungai Pinang mula April 2019 – Menteri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

GEORGE TOWN – Kerja-kerja pelebaran lembangan Sungai Pinang sepanjang 1.5 kilometer (km) akan dimulakan pada April tahun depan, memandangkan RM150 juta peruntukan projek fasa tiga Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang tertangguh sebelum ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan hari ini.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar memberitahu Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, selepas meninjau sendiri keadaan Sungai Pinang serta kawasan-kawasan khas (*hotspot*) banjir di sini.

“Walaupun YB Jagdeep senantiasa mengingatkan saya bahawa projek ini telah lewat, proses dipercepatkan supaya kita boleh memulakan kerja-kerja (pemajuan) di bawah ini.

“1.5km sungai-sungai ini kita akan lebarkan, proses itu kita akan mulakan pada April (2019),” katanya pada sidang media sambil menyatakan bahawa proses kelulusan peruntukan berwajib adalah berdasarkan peraturan kewangan baru yang digariskan



DR. Xavier Jayakumar.

oleh Kementerian Kewangan.

Selain Jagdeep, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Sumber Asli) bagi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) turut serta lawatan kerja dan sidang media itu di Pusat Informasi Sungai Pinang pada 4 September 2018.

Mengulas lanjut, Xavier berkata, pelaksanaan fasa tiga RTB Sungai Pinang akan memberi manfaat kepada kira-kira 150,000 penduduk di sekitar



KEADAAN lembaran Sungai Pinang kini.

kawasan perlindungan banjir seluas 300 hektar di sini.

“Pelaksanaan projek secara fizikal dijangka bakal bermula pada pertengahan tahun 2019, dan dijangka siap sepenuhnya pada 2023.

“Skop projek ini antara lain merangkumi pembinaan banjir perlindungan banjir, pembinaan pintu kawalan air, jambatan, saliran dalam, kolam takungan banjir, perangkap sampah dan

struktur kawalan saliran,” jelasnya.

Bercakap pada sidang media sama, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat merakamkan penghargaan kepada Xavier yang memberi keutamaan terhadap projek tersebut.

“Ini kali pertama Menteri datang ke (Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN) Datuk Keramat – Sungai Pinang. “Dalam semangat ‘Malaysia

Baru’ ini, saya harap seperti Dr. Xavier kata tadi bahawa projek ini yang begitu lama tergenda akan diberikan keutamaan serta dapat dimulakan secepat mungkin,” serunya.

Dalam perkembangan lain, Xavier turut mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat berhasrat menyerahkan pengurusan Empangan Mengkuang kepada Kerajaan Negeri, dijangka pada hujung tahun ini.

Berkat kesungguhan, daripada ‘zero’ saya menjadi ‘hero’ – Salim Salleh

“ALHAMDULILLAH... berkat usaha dan kegigihan tanpa mengenal erti putus asa, telah mengubah diri saya daripada ‘zero’ kepada seorang ‘hero’.

Itu, kata-kata bermakna yang diungkapkan usahawan berjaya, Salim Salleh yang mana namanya turut tersenari sebagai salah seorang jutawan abad ke-20 ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** di Sekolah Menengah (SM) Datuk Onn, Butterworth baru-baru ini.

Jika dilihat secara fizikalnya, mungkin tidak ada yang menyangka bahawa pengasas syarikat pengeluaran makanan berasaskan koko, Koko Minda Food (KMF) Industries (M) Sdn. Bhd. itu merupakan orang kurang upaya (OKU), cacat penglihatan.

Penglibatan dalam perniagaan

Bercerita mengenai sejarah penglibatan awalnya dalam bidang perniagaan, Salim berkata, untuk membangunkan sebuah syarikat sehingga dikenali seperti hari ini bukanlah tugas yang mudah.

Lebih-lebih lagi, apabila beliau berdepan dengan masalah kesihatan sehingga menyebabkan mata kanannya menjadi buta selain tangan kanan juga tidak berupaya untuk bergerak.

“Saya merupakan seorang kakitangan

awam pada mulanya dan kemudian terpaksa menjalani pembedahan mata akibat penyakit glaukoma.

“Kesan pembedahan itu menyebabkan mata sebelah kanan saya menjadi buta, manakala mata sebelah kiri juga kini turut menjadi kabur.

“Disebabkan keadaan itu, saya memilih untuk bersara selepas mendapat surat daripada Lembaga Perubatan, sejak dari itu, saya tidak mampu melakukan apa-apa pekerjaan sehingga datangnya ilham untuk menghasilkan satu produk yang saya namakan sebagai Koko Minda,” ujarnya.

Produk Koko Minda

Mengulas mengenai produk keluaran syarikatnya Koko Minda yang kini semakin mendapat permintaan ramai, Salim menyatakan bahawa beliau memilih menghasilkan produk berkonsepkan kecerdasan minda bertujuan membantu kumpulan sasar iaitu masyarakat Melayu yang pada masa itu masih dianggap sebagai bangsa kelas ketiga.

“Pada masa itu, saya dengan penuh yakin hendak membantu orang-orang Melayu untuk mampu sama-sama bersaing dengan bangsa lain di peringkat antarabangsa.

“Jadi, saya mengeluarkan produk yang berasaskan koko kerana bahan ini tidak



SALIM Salleh.

mengandungi kafein dan produk ini juga bebas daripada gula pasir yang menjadi penyebab kepada pelbagai jenis penyakit,” jelasnya.

Malah menurut Salim, minuman Koko Minda juga turut mengandungi herba bermanfaat yang digunakan masyarakat di Jepun dan Korea Selatan, iaitu ginkgo biloba yang mana tumbuhan tersebut diperakui para doktor serta saintis di Jerman sebagai tonik untuk minda.

“Saya juga memasukkan tumbuhan pegaga (nama saintifiknya *centella asiatica*) selepas mendapat nasihat daripada pihak

penyelidikan MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).

“(Dan) Bagi menarik pengguna Muslim, saya turut memasukkan makanan sunah seperti kurma, kismis, buah tin dan madu sebagai ramuan tambahan bagi penghasilan produk ini,” katanya sambil menjelaskan bahawa produk Koko Minda kini dipasarkan di seluruh negara termasuk Melaka, Johor, Kuala Lumpur dan terbaru di Selangor dan beberapa negeri dekat wilayah utara bermula di Pulau Pinang.

Inspirasi kepada golongan muda

Menurut Salim, sesuatu kejayaan itu tidak datang bergolek melainkan dengan usaha berterusan dan beliau berharap apa yang dicapainya kini mampu menjadi inspirasi kepada masyarakat khususnya golongan muda.

“Apa yang saya mahu berkongsi dengan mereka di luar sana terutama golongan kurang upaya adalah agar kita jangan terlalu bergantung kepada orang lain, kerana ramai juga OKU yang boleh berjaya sekiranya berusaha bersungguh-sungguh.

“Jika kita rasa diri mempunyai bakat dan minat dalam perniagaan, gunakan bakat itu dengan melihat terus kepada sasaran, kerana itulah yang paling penting,” ujarnya mengakhiri bicara.

'Pasangan patriotik' hias rumah dengan 3,000 Jalur Gemilang

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : ADUN

PULAU BETONG – Atas semangat patriotik dan cintakan tanah air, sepasang suami isteri dari Kampung Perlis, Balik Pulau tidak lokek membelanjakan kira-kira RM1,500 untuk memasang 3,000 helai Jalur Gemilang bagi menghiasi kediaman mereka.

Keunikan kediaman Tajuddin Abdul Rani dan isterinya, Normala Md. Desa itu menarik minat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail baru-baru ini.

Mohd. Tuah ketika berkunjung ke kediaman pasangan tersebut pada 28 Ogos lalu menyatakan rasa kagum akan semangat patriotik yang ditonjolkan bagi menyambut hari keramat 31 Ogos.

"Saya rasa sikap patriotik ini wajar dicontohi segenap lapisan masyarakat di Malaysia khususnya di Pulau Pinang dalam menunjukkan rasa cinta kepada negara... tidak banyak sedikit pun jadilah," ringkas beliau kepada Buletin Mutiara.

Normala ketika ditemui menyatakan bahawa adalah menjadi satu kemestian buat dirinya serta suami untuk menghiasi teratak mereka dengan Jalur Gemilang setiap tahun menjelang kemerdekaan.

"Tiap-tiap tahun kami akan ambil kesempatan sempena merdeka untuk hias rumah sebagai satu semangat patriotik.



MOHD. TUAH ISMAIL (kemeja ungu) bersama-sama Ahli-ahli JKJKK KADUN Pulau Betong sempat merakam momen indah di hadapan kediaman 'pasangan patriotik' dekat Kampung Perlis di sini baru-baru ini.

"Dan setiap kali nak sampai sambutan kemerdekaan... saya dan suami mesti teruja dan selalunya wang belanja yang diberi oleh anak-anak digunakan bagi menghiasi rumah ini," ujarnya yang mesra disapa sebagai Cikgu.

Hadir sama, Penghulu Kanan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (DBD), Mohd. Farouk Varusai Mohd dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) bagi DUN Pulau Betong.

Warna-warni Merdeka

ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid (bertopi merah) bersama-sama para peserta perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia dekat sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) bellaupada 8 September lalu.



SEBAHAGIAN pelajar yang mengambil bahagian dalam penganjuran Butterworth Cyclethon 2018 Fun Ride di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn.



ADUN Komtar, Teh Lai Heng (barisan depan, tiga dari kiri) pada sambutan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Hu Yew Seah, Jalan Madras.

Demokrasi tempatan melalui bajet berorientasi rakyat

PULAU Pinang adalah negeri yang pertama yang menjalankan proses penyertaan rakyat dalam membuat perancangan bajet kerajaan. Inisiatif ini telah dilakukan dengan jayanya sejak 2012 melalui program *Gender Responsive & Participatory Budgeting* (GRPB). Ia merupakan program kerjasama pintar di antara pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Pucuk pentadbiran dan pimpinan baru di Pulau Pinang meneruskan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan ia sebagai kerjaan yang

berorientasikan rakyat. Oleh yang demikian, proses demokrasi tempatan ini memberikan kuasa dan tanggungjawab kepada pemimpin tempatan dan akar-umbi seperti ADUN, Ahli Majlis dan AJK JKKK untuk bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam menyuarakan keperluan penduduk mereka masing-masing.

Proses ini boleh berlaku apabila penduduk tempatan dijadikan rakan-kongsi kerajaan dalam menentukan program dan halatuju kerajaan melalui penentuan bajet kerajaan. Ia menjadikan komuniti sebagai agen perubahan dan bukan saja benefisiari projek pembangunan dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Untuk mencapai hasrat ini,

beberapa modul di bawah program GRPB direka untuk dilaksanakan oleh kerajaan. Antara program yang sedang dilaksanakan di bawah GRPB di komuniti pada tahun ini adalah Program Jelajah 'Duit Kita Hak Kita' dan satu lagi Projek Perumahan Rakyat Kersani.

Program Jelajah 'Duit Kita Hak Kita'

Program ini adalah hasil daripada projek perintis yang telah dijalankan di KADUN Machang Bubuk pada 2016. Dalam program ini, ADUN dan JKKK menjadi juara dalam melaksanakan projek penyertaan rakyat dalam menentukan keperluan penduduk di setiap JKKK di bawah KADUN masing-masing. Hasil daripada penilaian keperluan ini, peruntukan ADUN dapat digunakan secara efektif mengikut kehendak komunitinya.

Projek Perumahan Rakyat Kersani

Projek ini telah dipelopori oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri dengan kerjasama PWDC dan telah dilaksanakan bersama komuniti PPR Desa Wawasan sebagai projek perintis. Kejayaan projek ini telah menggalakkan Bahagian Perumahan untuk meneruskannya ke empat PPR



MESYUARAT bersama-sama pemimpin setempat dan PWDC.



AKSI kanak-kanak di taman permainan.

lain iaitu di Taman Manggis, Ampang Jajar, Bagan Jaya dan Padang Tembak. Maklumat yang diperoleh oleh projek ini dijadikan panduan dalam merancang bajet Bahagian Perumahan Negeri.



TAKLIMAT GRPB yang diadakan.

PGO 2018, November 2018 bertemakan 'Hentikan Gangguan Seksual'

Penang Goes Orange (PGO) adalah kempen peringkat negeri yang dianjurkan oleh EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Pulau Pinang, bersama dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) sejak 2014. PGO adalah adaptasi Hari Oren Antarabangsa. Kempen PGO tahun ini membawa mesej, "Hentikan Gangguan Seksual", yang menyeru semua orang untuk menyedari isu ini dan mengambil langkah-langkah untuk mengesan, menghalang dan mencegah gangguan seksual.

PGO 2018 secara rasminya akan bermula pada 24 November dengan Cabaran Oren, satu cabaran interaktif di mana pasukan-pasukan yang terlibat bersaing antara satu sama lain untuk menyelesaikan satu siri aktiviti dan kuiz yang berkaitan dengan tema kempen, "Hentikan Gangguan Seksual". Cabaran Oren tahun ini akan diadakan di Taman Burung Pulau Pinang, Seberang Jaya di mana kami menjangkakan kehadiran kira-kira 1,000 peserta. Ia adalah acara menyeronokkan dan didikan yang berorientasikan keluarga dengan hadiah



KERJA berpasukan untuk menyelesaikan soalan cabaran.

menarik untuk para pemenang.

Negeri Pulau Pinang komited untuk berusaha ke arah mencapai kesaksamaan gender dan menghentikan diskriminasi dan keeganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Keganasan adalah pelanggaran hak asasi manusia yang paling dahsyat. Kebanyakan kejadian gangguan seksual berlaku di tempat kerja seperti ketika seseorang terlibat dalam tingkah laku yang tidak bersopan dan berunsur seksual terhadap orang lain dengan niat mencabul martabat seseorang atau mewujudkan suasana yang tegang, bermusuhan, memalukan atau menyinggung perasaan bagi individu yang berkenaan.

Ketahui apa yang bermaksud gangguan seksual kerana ia boleh berlaku dalam



LOGO rasmi PGO 2017.

bentuk lisan, bukan lisan atau fizikal termasuk:

1. Mengambil kesempatan seksual yang tidak diingini
2. Sentuhan yang tidak senonoh
3. Tindakan serangan seksual
4. Permintaan untuk mengadakan hubungan seksual
5. Membincangkan hal hubungan seksual/cerita seksual/fantasi seksual
6. Sengaja mendedahkan tubuh badan diri atau melakukan aksi seksual terhadap diri sendiri di hadapan orang lain
7. Gangguan verbal seperti jenaka seksual
8. Memaparkan gambar atau lukisan yang bersifat lucu
9. Menghantar bahan e-mel yang bersifat seksual
10. Meletakkan syarat pekerjaan atau kenaikan pangkat yang bergantung kepada permintaan seksual, secara eksplisit atau pun tersirat



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 225 : SURIYATI BT MOHAMED SUTAN - 62101207**** 214-J TANJUNG TOKONG, GEORGETOWN 10470 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 242 : WAN MD WAZIR BIN WAN ABDULLAH - 60042407**** 954 KAMPUNG BELAH DUA 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 259 : TEH TONG HENG - 59080307**** NO. 52 JALAN SURIA 1, TAMAN SURIA 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 273 : OOI SIN HENG - 61121207**** A/2-2 MENARA KOMANWELA, VISTA KOMANWEL BUKIT JALIL 57000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: SULONG BIN HAJI MOHAMED - (MENINGGAL DUNIA) 283K JALAN TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDULLAH BIN ARSHAD - (MENINGGAL DUNIA) 47 KAMPUNG BELAH DUA, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 1	: YONG YUE FAIT - 48010707**** 37 LINTANG DELIMA 10, ISLAND GLADES, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MAK YOKE YONG - 40031004**** 15 JALAN SS 22/2, DAMANSARA JAYA, PETALING JAYA 46300 SELANGOR
Penjamin 2	: SITI HAJAR BTE OMAR - 57102207**** 5-20-1 LENGGOK FREE SCHOOL, HALAMAN KRISTAL 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD NOR BIN HASHIM - (MENINGGAL DUNIA) 1296 KAMPUNG PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LIM CHENG LAW - (MENINGGAL DUNIA) 20 MEDAN PENAGA 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: YAP BENG HOON - 47051810**** 7 LORONG KASAWARI 2, JALAN KASAWARI 4, TAMAN ENG ANN 41150 KLANG, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 275 : CHAI CHOON HIONG - 61031507**** 345 MK C, AYER PUTIH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 277 : ROSLI BIN AB RAZAK - 55011207**** 397-D TINGKAT SUNGAI GELUGOR 3, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 281 : DONALD AUGUSTUS AERIA - 61111007**** C-05-09 BLOK C PANGSAPURI ANGSANA, PERSIARAN SUBANG MEWAH, TAMAN SUBANG MEWAH, 52000 SUBANG JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 305 : LIM FOO THAI - 61061707**** 44 JALAN BRP 5/5, BUKIT RAHMAM PUTRA 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
Penjamin 1	: CHONG YING WENG - 37111107**** NO. 16 JALAN TEMBAGA, ISLAND PARK, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: FARIDAH BT MURSHID - 54041607**** 8B MTC KUARTERS, BUKIT CHOMBEE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ROBERT AERIA - 49071107**** 249 TAMAN MELAKA BARU, BATU BERENDAM 75350 MELAKA	Penjamin 1	: MOHD FAKRI BIN YUSOF - T3000*** LOT 123 RIMBA MAS, KG. TELAGA NIBONG, TANJUNG CHAT 15300 KOTA BHARU, KELANTAN
Penjamin 2	: HAJI HASHIM BIN AHAD - (MENINGGAL DUNIA) 122 MK E, TITI TERAS, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZULKIFLI BIN OTHMAN - (MENINGGAL DUNIA) 460-J MINDEN HEIGHTS 7, SUNGAI GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN BENG KHOON - (MENINGGAL DUNIA) 80-P MOUNT ERSKINE ROAD 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD SOFIAN B MOHD ARSHAD - T3000*** NO. 1 JALAN PADI HUMA 7, BANDAR BARU UDA 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR
No Akaun Peminjam	: 311 : SANDRASEGARAN A/L VASIMUTHU - 6111207**** NO. 09-24 SRI BENDAHARA A, BUKIT SAUJANA, JOHOR BAHRU 80100 JOHOR	No Akaun Peminjam	: 315 : BASKARAN A/L NARAYANAN NAIR - 61103107**** NO. 44 LORONG KOTA PERMAI 16, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 324 : SITI ZAHARAH BT ABDUL HAMID - 42082707**** NO.10 DESA AL-AMIN, KAMPUNG SUNGAI TANGKAS 43000 KAJANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 325 : HARUN BIN IDRIS - 54042202**** 3-12 BLOK B2 JALAN PAUH INDAH 1, TAMAN PAUH INDAH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1	: U MINIANDY - (MENINGGAL DUNIA) A2-4-6 HALAMAN AREKA, LEBUH NIPAH, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUNUSAMY A/L PERIASAMY - 51090110**** 1707 JALAN E5/2, TAMAN EHSAN KEONG, 51200 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: TEH CHOONG KONG - 47011607**** 16 SOLOK PEKA SATU, TAMAN PEKAKA, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: YUSOF BIN HJ MAT REJAB - 50122402**** NO. 19-A BATU 16, PADANG LUMAT, GURUN, 08300 KEDAH
Penjamin 2	: ARJUNAN A/L MUNUSAMY - 38032807**** NO. 7 LORONG ENDAH 2, TAMAN BROWN, SUNGAI GELUGOR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MATHEW A/L K V JOHN - 30102871**** 28 JALAN SS 12, KAMPUNG TUNKU 47300 PETALING JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: MOHD ZAIN BIN OTHMAN - 50060902**** NO. 57 TAMAN RASA SAYANG 06000 JITRA, KEDAH	Penjamin 2	: CHE MOIN BIN UMAR - 53072808**** NO. 143 PEKELILING ROKAM, PEKAN RAZAKI, IPOH, 31350 PERAK
No Akaun Peminjam	: 331 : AZHARI BIN DIN - 64070907**** 37 LORONG POKOK SENA INDAH 4, TAMAN POKOK SENA INDAH 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 344 : MAT SAID BIN TALIB - 59021407**** NO. 784 TINGKAT 2, JALAN LIMBONG KAPAL 05000 ALOR SETAR, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 375 : ISHAK BIN SHAABAN - 51090507**** 2-08-A APARTMENT PERMATA, JALAN PERDA UTAMA BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 376 : ASIAH BT TAIB - 58113006**** 42 JALAN MATI ALOR PONGSU, KRIAN 34300 PERAK
Penjamin 1	: AHMAD BIN DIN - 205618*** 5500 PERMATANG KERAI KECIL 13220 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: MD RODZI BIN DIN - (MENINGGAL DUNIA) 719 MUKIM 21, GUAR IPOH, PENANTI, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOKHTAR B HJ MOHD ZAIN - 38122908**** NO. 34 JALAN AU 1C/4L, TAMAN KERAMAT OFF KERAMAT PERMAI 54200 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: ZAINAL ABIDIN BIN AZIZAN - 47122008**** NO. 11A JALAN CEMPERAISARI 1E, BANDAR SUNGAI BUAYA, RAWANG 48010 SELANGOR
Penjamin 2	: ABA BAKAR BIN DIN - P60*** 5500 PERMATANG KERAI KECIL 13220 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: RAMLI BIN BAKER - 60040609**** NO. 20 LORONG 1, TAMAN MELATI, BESERI, 02400 KANGAR, PERLIS	Penjamin 2	: CHE MOIN BIN UMAR - 53072808**** NO. 143 PEKELILING ROKAM, PEKAN RAZAKI, IPOH 31350 PERAK	Penjamin 2	: MOHAMAD SOKRI B HJ HUSIN - 57122402*** KAMPUNG KABU 10, SUNGAI LIMAU DALAM 06900 YAN, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 377 : SASBULLAH BIN HAJI ZAKARIA - 58050102**** 170 JALAN KESUMA 8/4, FASA 9B, BANDAR TASIR KESUMA 43700 BERANANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 380 : ABDUL MANAP BIN ABU BAKAR - 54123002**** NO. 57 TAMAN DESA PERMAI, LUNAS 09600 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 406 : HAMIDUN BIN DIN - 66011407**** 582 JALAN MAHSURI 6A, TAMAN MAHSURI 09400 PADANG SERAI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 436 : GANASAN A/L SUBRAYAN - 63020702*** 4-6-7 PPR STW , DESA TUN RAZAK, CHERAS 56000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: YUSOF BIN HJ MAT REJAB - 50122402**** NO. 19-A BATU 16 , PADANG LUMAT, GURUN, 08300 KEDAH	Penjamin 1	: RADZUAN BIN AHMAD - (MENINGGAL DUNIA) KAMPUNG BELUKAR, MUKIM TAMIN, CHANGLUN 06000 JITRA, KEDAH	Penjamin 1	: ABDULLAH BIN OTHMAN - (MENINGGAL DUNIA) NO.12 TAMAN DESA JAYA, 26400 BANDAR JENGKA, PAHANG	Penjamin 1	: THANA BALAN A/L SUBRAYAN - 58062702*** 6 JALAN DATO YUSOF SHAHABUDIN 25, TAMAN SENTOSA, KLANG 41200 SELANGOR
Penjamin 2	: RADZUAN BIN AHMAD - (MENINGGAL DUNIA) KAMPUNG BELUKAR MK TEMIN, CHANGLUAN, JITRA, 09000 KEDAH	Penjamin 2	: SALEH BIN HAJI DAUD - 50092102**** 68 JALAN LEMBAH BUJANG 2, TAMAN LEMBAH BUJANG 08400 MERBOK, KEDAH	Penjamin 2	: AZMI BIN AMIR - 52102004**** NO. 3 LOT LABANG RPSB, BATU 8 LEPAR, GAMBANG 26300 PAHANG	Penjamin 2	: POOBALAN A/L SINNASAMY 922 JALAN MAJU, TAMAN SEJAHTERA, 09600 LUNAS, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 488 : CHAN LEE MEI - 62071307**** 6-12-2 EDEN SEAVIEW CONDO, JALAN SUNGAI SATU 11100 BATU FERINGHI, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 489 : THUM WENG HON - 64072007**** NO. 81 JALAN SUTERA PULAI 2/3, TAMAN SUTERA UTAMA 81300 SKUDAI, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 525 : SEOW LAN HOON - 63091607**** 16 JALAN BU 12/8, BANDAR UTAMA DAMANSARA 47800 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 533 : SUNDARAJ A/L BALASUNDRAM - 66032507**** NO. 18 JALAN BK 8/1 H, BANDAR KINRARA, PUCHONG 58200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: KUNG POH HYAN - 56052507**** 14 6TH AVENUE RESERVOIR, GARDEN, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: WONG TENG YIN - 39082902**** E6 TAMAN KELADI, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: LAU AH LIM@LAU CHENG LIM - (MENINGGAL DUNIA)	Penjamin 1	: RAMKERSNEN A/L THARAMAL - 44082107**** NO. 11A LORONG 42, TAMAN SERI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: GOH EWE LIT - (MENINGGAL DUNIA) 1-S JALAN PANTAI MOLEK, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	Penjamin 2	: BONG KUM SHO - 5120102**** NO. 373 LORONG KEMUNING 6, TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: TAN LEY BOON - (MENINGGAL DUNIA) 248 JALAN BURMAH 10350 PULAU PINANG	Penjamin 2	: RAJA GOPAL A/L RAMASAMY - 50121507**** 18 JALAN SERANDAU, TAMAN SRI PERMAI (ZAIZAH) 14300 NIBONG TEBAL, SPS
No Akaun Peminjam	: 558 : SABARUDIN BIN MUHAMAD - 66052807**** NO. 21 JALAN 3/63 SEKSYEN 3, BANDAR BARU BANGI, 43650 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 564 : AMNAH BINTI MD KHIR - 65082907**** 1123 PERMATANG TOK LABU 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 574 : AZAHAR BIN AHMAD - 64040307**** NO. 580-N JALAN SIANTAN 1/5, TAMAN SIANTAN 75200 MELAKA	No Akaun Peminjam	: 596 : ONG SENG BEE - 63022207**** 33 JALAN WANGSA 1/2, TAMAN WANGSA PERMAI, KEPONG 52200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: ZULKEFLI BIN MOHD.YUSOP - 65062710**** 47 JALAN DG 1/6 DESA GEMILANG, SUNGAI PUSU, JALAN GOMBAK 53100 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: MURAD BIN AWANG - (MENINGGAL DUNIA) 127 PERMATANG TOK BRAIN 13110 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: IDRIS BIN DIN - (MENINGGAL DUNIA) 1227 PERMATANG PAUH, 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: TAN YEW HOCK - (MENINGGAL DUNIA) NO.1, JALAN 62, 52100 KEPONG BARU, KUALA LUMPUR
Penjamin 2	: AHMAD MIZAM BIN ABD KIDIR - 62031606**** 7821 TAMAN INDAH, GONG PAUH 24000 KEMAMAN, TERENGGANU	Penjamin 2	: AZIZAN BIN HASHIM - 50080502**** 2579 PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: OTHMAN BIN PUTEH - (MENINGGAL DUNIA) 4578 JALAN BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ONG LIAN ENG - 6101607**** Y-80-01 BLOCK D AMAN KAYANGAN, JALAN PJU 1A/41, ARA JAYA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 647 : NOR AZIAH BINTI SAAD - 68101008**** 4-8-D RUMAH PANGSA JAWI III, TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS	No Akaun Peminjam	: 662 : GAN AI LAY - 65100307**** 27 JALAN ANGGERIK ARANDA 31/3, KOTA KEMUNING 40460 SHAH ALAM, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 710 : ABABAS BIN SYED MOHAMED - 66011207**** 1-3-5 SUMMER PLACE, LEBUH SUNGAI PINANG 8, 11600 SUNGAI PINANG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 718 : TAN SEONG LEONG - 65090307**** 121 JALAN KENARI JAYA 2, TAMAN KENARI JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 1	: HJ IBRAHIM BIN JAAFAR - (MENINGGAL DUNIA) 3093 KAMPUNG TANAH BARU, JALAN TELOK IPEL 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: TEOH GUAN HOE - 55100908**** NO. 17 LENGGOK KENARI 1, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ESA A/L OTHMAN - 47030571**** 33-9-1 PANGSAPURI GOLFVIEW, SOLOK BUKIT JAMBUL 1, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: NG SIEW CHOO - (MENINGGAL DUNIA) 39 TINGKAT BETEK 2, TAMAN SUNGAI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: BARIDAH BINTI DIN - (MENINGGAL DUNIA) 881 JALAN SENTOSA, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI, SPS	Penjamin 2	: GAN AI GEOK - 59013109**** NO.17 LENGGOK KENARI 1, DESA RIA, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SHAHUL HAMID BIN MOHAMED MYDIN - 62031007**** BLOK 1-12-2 FLAT MEDAN TENGKU, JALAN TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LOW KI CHOU - 57102507**** NO. 43 LORONG 13/SS6, BANDAR TASEK MUTIARA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
No Akaun Peminjam	: 769 : TAN LAI SOON - 64102207**** M9-308 PANDAN JAYA 55100 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 780 : KHAW GUAN ENG - 630522				

Sungai Nibong, Pulau Pinang

* The Sun Galeri Jualan
301 - 3A-1, The H20,
Jalan Jelutong, 11600 Penang.

9am - 6pm (Isnin - Jumaat)

**Rumah
Harga
Kawalan
Disediakan
Berharga
RM200,000
(750 kp)
Dan
RM300,000
(850 kp)**

(Tertakluk Kepada
Terma & Syarat)

**Unit Terhad
Harga Jualan Kondo
Dari RM688,000
(1313 kp)**



A New Branded Iconic Landmark

**5% DISKAUN
UNTUK
BUMIPUTERA
HAKMILIK KEKAL**

KONDO

- Luas Binaan: 1313 kp
- 2 Tempat Letak Kereta
- 3 lif
- Ketumpatan Rendah

KOMERSIAL / PEJABAT

- Unit Terhad
- Harga Dari RM498,000.00
- 2 Lif
- Tempat Letak Kereta Percuma Yang Mencukupi



Pemaju:
Sepakat Mewah Sdn Bhd (1054962-T)

301-3A-1, The H20, Jalan Jelutong, 11600 Penang.
04 - 609 3266 / 012 - 959 1711

No. lesen Pemaju: 19248-1/12-2019/01087(L). Sah Dari: 16/12/2017 ke 15/12/2019. No. Permit Ikan: 19248-1/12-2019/01087(P). Sah Dari: 16/12/2017 ke 15/12/2019. No. Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB9655/17(LB). Kelulusan Pihak Berkua: Majlis Bandaraya Pulau Pinang . Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad . Tarikh Jangka Siap: Dec 2021 . Jumlah Unit: 195 Unit . Harga Minimum (RM200,000.00) Harga Maksum (RM822,800.00) . Hakmilik Kekal . 5% diskaun untuk Bumiputera

**TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesem semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 797 NOR AFIDA BINTI ISMAIL @ ABU BAKAR - 68060507**** BLOK A 308, AROWANA APARTMENT, JALAN AROWANA 3, TAMAN AROWANA 13500 PERMATANG PAUH	No Akaun Peminjam	: 800 ZOLBAHARIM BIN DEWA - 64113007**** 56 JALAN BJ 3, TAMAN BUKIT JAYA, BUKIT ANTARABANGSA, AMPANG 68000 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 802 AHMAD SUBHI BIN YUSOFF - 66021207**** 368-A MUKIM 11, SUNGAI BATU , TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 804 SUHAIMI BIN ABDUL WAHAB - 61010607**** 351 MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: YUSOF KHAN BIN LOTH KHAN 23 JALAN PAHLAWAN, 13050 TELUK AIR TAWAR, BUTTERWORTH	Penjamin 1	: ZAINAB BINTI KASIM 170-E, KAMPUNG MELAYU, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ARIS BIN ATTAN - 56012904**** 11-5-11 LUCKY GARDEN 11, LEBUH NIPAH 1, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUKRIM BIN HJJ HARUN - 57052207**** 3 JALAN UBIN US/19A, BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM 40150 SELANGOR
Penjamin 2	: AHMAD FAROK BIN ABDUL MAJID - 45121707**** NO. 59 CANGKAT MINDEN, JALAN SATU, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZOLKIFLI B DEWA - 63052107**** NO. 17 LORONG AU3/12B, AMPANG, ULU KLANG 53200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: MANGSOR BIN AHMAD 844 MK 11, SUNGAI BATU, 11920 TELOK KUMBAR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AHMAD DESA BIN HUSSIN 2186 MUKIM 16, MACHANG BUBUK 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 810 MARIA BINTI SAAD - 66040507**** TBP 416 JALAN SELAMAT 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam	: 838 YEAP BUN HUAT - 65062707**** 2 JALAN ANGGERIK VANILLA 31/98 H, CANAL GARDEN, KOTA KEMUNING 40460 SHAH ALAM, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 855 MOHAMAD KASSIM KAESEVAN BIN ABDULLAH - 66021007**** BLOK D1-4-7 TAMAN PERAI JAYA, JALAN PERAI JAYA 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 865 H NG CHOO ENG - 62082107**** 56 JALAN TAMAN BUKIT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: MUHAMED BIN SAAD - (MINGGAL DUNIA) NO. 55 JALAN SETIABISTARI BUKIT DAMANSARA 50490 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: NG AH NYA - 50052602**** 33 LORONG MURNI 9, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MARIMUTHU @ MARI A/L ANAMALAI - (MINGGAL DUNIA) 22 LORONG SERI KIJANG 1, TAMAN SERI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: LIM AH LEK - 47103102**** NO. 182 JALAN GEMILANG 5, TAMAN GEMILANG 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2	: FATIMAH BT SAAD - 52081907**** NO. 7 PJU 3/18C, DAMANSARA INDAH RESORT HOMES 47410 PETALING JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: KOEH CHEW CHENG - 51042007**** 78 LORONG MERANTI SATU, TAMAN MERANTI 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: THAMBURAN A/L SADAIYAN - 48042007**** NO. 5574 PINTAS TERUBUK 6, JALAN TUN HUSSIEN ONN 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: LIM MING PHEW - 60101502**** 37 LORONG TENANG SATU, TAMAN TENANG 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 882 YAP CHIN HENG - 62100700**** NO. 29 LORONG BLM 4/1, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 896 MOHD SALLEH BIN YAHAYA - 52030407**** 178 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 905 SHAHIZAN BIN HJ HASAN - 61040508**** 41 LORONG PERDA TIMUR 8, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 915 KANAGASUDRAM A/L S MURUGAIAN - 69101207**** 198 PINTASAN PEMANCAR 2, TAMAN TUN SARDON 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1	: AHMAD FAIZ @ FUZI BIN HJ ABD HAMID - 47121601**** 15 JALAN ELEKTRON U16/83, DENAI ALAM, SHAH ALAM 40150 SELANGOR	Penjamin 1	: ISMAIL BIN MOHD NOH - 65**** NO. 23, JALAN DUPLEX 21/30, DAMANSARA UTAMA 47400 SELANGOR	Penjamin 1	: MOHD AMANUDDIN BIN JAMALUDDIN - (MINGGAL DUNIA) 54 JALAN 4/1, PKNS SERDANG JAYA 43300 SRI KEMBANGAN, SELANGOR	Penjamin 1	: BASKARAN A/L GOVINDASAMY - 59042607**** 168 PINTASAN PEMANCAR 3, TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHAMED MUSTAFZA BIN ISHAK - 61011107**** NO. 65 LORONG BAHAGIA, KAMPUNG HIJRAH 06000 JITRA, KEDAH	Penjamin 2	: SHARAZAD BT YAHAYA - 49082407**** NO. 23 JALAN SS 21/30, DAMANSARA UTAMA, PETALING JAYA 47400 SELANGOR	Penjamin 2	: OTTHAMAN B SAAD - 51100702**** 11-A JALAN BERLIAN 10, TAMAN BERLIAN, KAJANG 43000 SELANGOR	Penjamin 2	: NADARSHA B EUNUS - (MINGGAL DUNIA) 138 PINTASAN PEMANCAR 3, TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 954 SALINA BINTI ISAHAK - 6701207**** NO. 3 LORONG 4, TAMAN ALMA JAYA, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ZUBIR BIN MUSA - (MINGGAL DUNIA) 2-12-A RUMAHPANGSA SRI BAGAN, BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: LOK KONG SING @ LOK KONG CHONG - 66030807**** BLOK 7-01-01, JALAN GANGSA 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 989
Penjamin 1	: LEOW GEIK LAI - 4711207**** 40 LORONG SELAMAT 10400 PULAU PINANG	Penjamin 2		Penjamin 1	: KHO BO KE @ KHO BO KEAT - 56030402*** 6 LORONG TENANG 5, TAMAN SRI TENANG 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MD SAAD BIN MUSA - 59042407*** NO. 50 JALAN ORKID, TAMAN ORKID 13200 KEPALA BATAS

Minggu Inovasi HP jana kreativiti tanpa sempadan

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : NOOR SITI NABILAH
NOORAZIS

BUKIT TAMBUN - Bertemakan 'Inovasi Tanpa Sempadan', syarikat komputer terkemuka Hewlett-Packard Malaysia menganjurkan Minggu Inovasi HP 2018 selama 14 hari baru-baru ini.

Ketika berucap, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merakamkan penghargaan atas penganjuran program itu, yang baginya secara umum memacu industri produktiviti pintar dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Menurut beliau, RM8.5 bilion pelaburan asing langsung (FDI) tahun 2017 yang diluluskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke Pulau Pinang merupakan salah satu inovasi Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkepentingan kepada sektor pembuatan, iaitu dalam melonjak potensi negeri sebagai destinasi pelaburan pilihan serantau.

"Pelaburan domestik juga terus meningkat sebanyak 92 peratus dari satu tahun ke satu tahun, dengan jumlah RM2.3 bilion pada tahun 2017.

"Kami mengalui-alukan lebih banyak lagi pelaburan baru serta langkah pengembangan operasi syarikat-syarikat sedia ada yang melabur di negeri ini, kerana syarikat-syarikat ini juga turut akan membawa teknologi baru mereka (ke Pulau Pinang),"



KETUA MENTERI (lima dari kanan), Sunil Chandiramani (empat dari kanan) dan barisan ahli jawatankuasa pengangur merakamkan gambar kenang-kenangan pada penganjuran Minggu Inovasi HP 2018 di sini baru-baru ini.

katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi di firma perindustrian HP dekat Batu Kawan pada 16 Ogos 2018.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kashthuraani dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

Sebelum itu, Pengarah HP Malaysia, Sunil Chandiramani ketika berucap memberitahu, tujuan minggu inovasi tersebut dianjurkan antara lain adalah demi menggalakkan semua pihak terutama bakat belia untuk menjana inspirasi dan ciptaan baru ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Tambahnya, program sebegini turut melonjak potensi pelaburan HP Malaysia, saban tahun.

Hotayi dijangka buka suku pertama 2019

BUKIT TENGAH - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini mengadakan lawatan tapak ke premis kilang elektronik terkemuka baharu, Hotayi Electronic (M) Sdn. Bhd. (Hotayi) dekat Batu Kawan di sini.

Kehadiran beliau disambut dengan penuh mesra oleh pengurusan tertinggi Hotayi, antaranya Ketua Pegawai Eksekutif Hotayi, Datuk Lee Hung Lung dan Pengarah Urusan Hotayi, Goh Guek Eng.

Ketika ditemui, Kon Yeow menyatakan bahawa lawatan tersebut bakal membolehkan beliau memahami mengenai Sistem Pengurusan Bangunan atau *Building Management System* (BMS) yang diperlakukan syarikat berkaitan sejak penubuhannya pada tahun 1992.

"Sejak 26 tahun, Hotayi telah memperkenalkan pelbagai penyelesaian dan perkhidmatan perkilangan dengan nilai tambah yang tinggi dalam industri elektronik.

"Hotayi terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan operasi dan menunjukkan peningkatan berterusan sehingga menjadi budaya yang membolehkan Hotayi terus mendapat kepercayaan pelanggan serta barisan rakan kongsi.

"Kepakaran dan pengalaman teknikal sejak hampir tiga dekad membolehkan Hotayi bukan sahaja memenuhi kehendak pelanggan, malah melangkuai dalam aspek kualiti, kos dan penyampaian," ujarnya yang ditemani Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Goh Choon Aik.

Difahamkan, tapak baharu kilang Hotayi di Taman Perindustrian Batu Kawan itu adalah 20 kali lebih besar daripada syarikat sedia ada di Bukit Tengah dengan luas kawasan mencecah 350,000 kaki persegi yang memerlukan tenaga kerja seramai 600 orang untuk Fasa 1.

Menariknya, pembinaan kilang yang dijadualkan dibuka pada suku pertama 2019 itu turut melibatkan profesional dari seluruh dunia, antaranya pereka dari Taiwan yang mereka bentuk menara terkemuka dunia, Menara Taipei 101.

Rakyat Malaysia yang terlibat dalam pembinaan kilang berkenaan adalah sebagai perunding, manakala arkitek utama dari United Kingdom.

BANDAR CASSIA, BATU KAWAN

Hujau e-komuniti
HARGA JUALAN
**RM 168,000-
RM 220,000**
KELUASAN RUMAH :
900 - 1000 kaki persegi

**04 - 613 9999
04 - 505 0001**

**KINI ANDA
MAMPU**

www.pmm.gov.my

dua RESIDENSI
TELUK KUMBAR

HARGA JUALAN
**RM 200,000-
RM 250,000**
KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

JIRAN RESIDENSI
KAMPUNG JAWA BUTTERWORTH

HARGA JUALAN
**RM 250,000-
RM 300,000**
KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi

Kini dibuka kepada orang ramai.*

* Tertakluk kepada syarat-syarat.

Dua Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. lesen pemaju peruntahan: 8924-5/10-2018/0803(L) Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-5/10-2018/0803(P) | Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | Nama Pihak Berkaitan yang Meluluskan Petan Banguan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Nombor Rujukan Petan Banguan: MPPPB/DSC/PB(6163)/13(LB) | Pejabat Negeri: 99 Tahun | Tarikh Tamat Pajakan: 18/12/2153 | Tarikh Dijangka Siap: Disember 2018 | Bebanan: Tiada | Jumlah Unit: 694 unit | Harga Jualan: RM72,500 (Min) - RM330,000 (Maks)

Jiran Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. lesen pemaju peruntahan: 8924-6/11-2019/0964(L) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-6/11-2019/0964(P) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | Nama Pihak Berkaitan yang Meluluskan Petan Banguan: Majlis Perbandaran Seberang Perai | Nombor Rujukan Petan Banguan: MPPPB/4D/20-24/38 | Pejabat Negeri: 99 Tahun | Tarikh Tamat Pajakan: 23/11/2155 | Tarikh Dijangka Siap: Mac 2018 | Bebanan: Tiada

Sekian dan terima kasih. Terima kasih atas sokongan dan sokongan anda. Selamat datang ke dalam dunia moden dan canggih. Dua Residensi dan Jiran Residensi adalah projek yang ditunggu-tunggu oleh ramai orang. Projek ini akan memberikan anda keleluasaan dan kemudahan dalam hidup anda. Dua Residensi dan Jiran Residensi adalah projek yang ditunggu-tunggu oleh ramai orang. Projek ini akan memberikan anda keleluasaan dan kemudahan dalam hidup anda.

Silakan rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkusa dan unit sebenar akan dibina dengan sejawarnya.

Hijaukan, pulihara alam sekitar tanggungjawab bersama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

SEBERANG JAYA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji penganjuran program penanaman 5,100 pokok *Golden Penda* secara serentak di sekitar Seberang Perai.

Ketika berucap, beliau menyatakan bahawa program berkaitan adalah kesinambungan daripada projek penanaman 3,002 pokok teduhan *Tecoma (Tabebuia Spp.)* yang dilancarkan bekas Ketua Menteri, Lim Guan Eng (kini Menteri Kewangan) pada 27 Ogos tahun lalu.

"Program sebegini merupakan sebahagian daripada hasrat kerajaan untuk mewujudkan suasana persekitaran yang segar dan nyaman, memberi kesedaran bahawa menghijaukan serta memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak, serta memupuk minat menanam



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam Program Penanaman 5,100 Pokok *Golden Penda* dekat Padang Taman Semilang di sini baru-baru ini.

pokok dan mencintai alam sekitar bagi rakyat Malaysia," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam Majlis Penanaman 5,100 Pokok *Golden Penda* di Padang Taman Semilang dekat sini 7 September 2018.

Menurut beliau, usaha penanaman pokok teduhan adalah

selaras dengan komitmen Malaysia untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan, seperti yang dinyatakan semasa Persidangan Rio pada tahun 1992.

Difahamkan, *Golden Penda* merupakan pokok teduhan dari jenis *Xanthostemon Chrysanthus*, berasal dari Australia.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, pokok *Golden Penda* dipilih dalam projek penanaman pokok teduhan berdasarkan sistem pengakaran yang baik serta memerlukan kerja penyelenggaraan minimum berbanding dengan pokok lain.

"Saya difahamkan penanaman pokok *Golden Penda* bukan hanya akan ditanam di Taman Semilang, malah di seluruh kawasan Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

"Antara tempat-tempat yang telah dikenal pasti adalah kawasan lapang Taman Semilang, kawasan lapang Taman Bertam Perdana, kawasan lapang Taman Pegatra Indah, Klinik Cure & Care 1 Malaysia (dekat Bukit Mertajam), Jalan Permatang Nibong, Hospital Seberang Jaya dan sekolah-sekolah yang memenangi Program Anugerah Sekolah Hijau," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan atas penajaan 5,100 pokok *Golden Penda*, termasuk 350 batang yang akan ditanam di kawasan lapang Taman Semilang.

"Bakinya (daripada 5,100 batang pokok ini) ditanam serentak di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan," katanya.

ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamad turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dr. Amar Prithpal Abdullah yang juga ADUN Sungai Bakap dan ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye.

ADUN, MPSP anjur 'plogging' ke arah negeri hijau pertama negara

JAWI - Berlandaskan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau pertama negara, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil inisiatif menganjurkan Program Plogging Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi di Taman Rekreasi Sungai Sanglang, Nibong Tebal di sini 26 Ogos lalu.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamad memberitahu, pihaknya berharap aktiviti 'plogging' bakal menyumbang kepada usaha bersama dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau pertama negara.

"Plogging adalah jogging sambil kutip sampah terutama plastik, bermula pada tahun 2016 di Sweden."

"Pada tahun 2018, aktiviti plogging dibawa ke Malaysia serta negara-negara lain, dan Pulau Pinang agak cepat apabila

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri melancarkan program plogging pertama peringkat Seberang Perai di Taman Tunku Seberang Jaya 10 Jun lalu.

"Apabila plastik pakai buang dibawa arus air ke sungai serta laut, mengingatkan plastik ini adalah makanan, habitat laut makan dan akan mati.

"Lalu, pencinta alam sekitar telah membangkitkan isu ini, supaya jangan lagi kita membiarkan pembuang plastik membunuh habitat laut serta menjadi isu global," katanya sambil memberitahu bahawa penganjuran berkaitan adalah kali yang kedua diadakan di Seberang Perai.

Tambah Rozali, mengikut rekod statistik global berwajib, Malaysia di kedudukan kelapan daripada segi negara yang mengotorkan laut.

"Kita (Malaysia) menghasilkan plastik sebanyak 80.8 juta matrik tan, ini plastik sahaja bukan semua jenis sampah.

"Sebab itu pentingnya plogging ini, kita

nak jadi negeri hijau pertama negara dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"(China) menghasilkan plastik sebanyak 8.8 juta matrik tan jenis plastik yang tidak dikutip dan daripada jumlah itu, sebanyak 3.53 juta tan matrik pergi ke laut.

"Malaysia pula pada tahun 2010, sejumlah 0.90 juta matrik tan tidak dikutip, dan daripada jumlah itu 0.34 juta matrik tan dihanyutkan ke laut."

"Walaupun MPSP mengutip sampah di kawasan Seberang Perai, masih ada sampah terutama jenis plastik yang tidak dikutip dan akhirnya dihanyutkan ke laut.

"Kerana masih ada pihak membuang plastik di merata-rata tempat tanpa menghiraukan plastik ini akan dihanyutkan ke laut, sebenarnya perbuatan kita itu sebenarnya mengancam nyawa habitat laut," serunya.

PROJEK PEJABAT HIJAU PULAU PINANG

KRITERIA PEJABAT HIJAU PULAU PINANG

Pembelian Kelengkapan Pejabat & Alat Tulis –Prinsip Hijau	Kawalan Penggunaan Kertas
Pengurangan Bahan Buangan & Kitir Semula	Kawalan Alatan Pencetak
Konservasi Tenaga	Penambahbaikan Kualiti Udara
Konservasi Air	Penglibatan Pekerja & Komuniti

Anjuran: dengan Kerjasama:



RM 670
(Fi Admin+Fi Audit)

*20 slot percuma bagi pejabat Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang

Tertakluk kepada terma dan syarat



H'NG Mooi Lye, Sr. Rozali Mohamad, barisan kepimpinan MPSP, barisan penganjuran dan para peserta bergambar kenangan pada penganjuran Program Plogging KADUN Jawi di sini baru-baru ini.

Pemilik kilang pemprosesan plastik terpakai diseru daftar, mohon semula lesen



PHEE Boon Poh menunjukkan dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri menyeru semua kilang pemprosesan plastik terpakai untuk mendaftar dan membuat permohonan semula kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum 30 September ini.

Seruan tersebut dibuat Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh selaras dengan pengumuman Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terhadap tindakan menghentikan permit pengeluaran lesen import (AP) sisa plastik HS KOD 3915 terhadap 114 buah syarikat.

Kerajaan Negeri kini selaras dengan ketetapan KP KT dan menyokong sepenuhnya langkah

tersebut.

“Seperti mana yang dicadangkan oleh Menterinya, Zuraida Kamaruddin iaitu semua kilang adalah digalakkan membuat permohonan semula dengan PBT.

“Justeru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan memantau pematuhan operasi kilang-kilang yang mengimport sisa plastik supaya selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa,” ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu pada sidang media 6 September lalu di sini.

Untuk rekod, difahamkan sebanyak 27 syarikat atau kilang di Pulau Pinang diberikan lesen untuk memproses sisa plastik dengan kapasiti keseluruhan adalah berjumlah 109,655 tan matrik.

ADUN seru TEKUN Nasional bersama bantu usahawan belia, wanita tempatan

PENANTI - Dr. Norlela Ariffin berharap agensi Persekutuan, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) memberi lebih tumpuan serta membantu usahawan belia dan wanita di Pulau Pinang terutama dekat Parlimen Permatang Pauh serta Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti itu berkata demikian ketika merasmikan Program Usahawan Belia & Wanita pada 25 Ogos 2018 dekat Dewan Usahawan Yayasan An-Nahdhoh, Jalan Kubang Semang di sini.

“Saya tahu wanita yang memiliki ramai anak, untuk bekerja kilang, begitu banyak kekangan.

“Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk menjana aktiviti usahawan wanita dari rumah.

“Saya mendapat tahu TEKUN ada dana (pinjaman mikrokredit) sebanyak RM20 juta, dan saya minta agensi Pusat itu serta program ini, untuk ambil bahagian membantu usahawan wanita yang hadir,” jelasnya pada pengajuran berkaitan.

Dalam perkembangan berkaitan, Norlela merakamkan penghargaan kepada Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain serta Pengurus Persatuan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Desa Pulau Pinang (PRESDA), Zikri Zulkifli atas sokongan bersama program itu.

Hampir 100 peserta program menerima bimbingan daripada moderator usahawan, Goh Toh Sin.

MAMMO PENANG

**PROGRAM SARINGAN
MAMMOGRAM PERCUMA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

"Untuk wanita berumur 35 ke atas"

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia
mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka

ini bersamaan dengan 700,000 orang!

PWDC **Pink** **B3 Healthcare Group**

Menjelang SUKMA Perak.

Boling nekad perbaiki pencapaian

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **DARWINA MOHD. DAUD**

PENCAPAIAN satu pingat perak pada Sukan Malaysia (SUKMA) ke-18 di Sarawak akan diperbaiki.

Itu, nekad dilontarkan Jurulatih Boling Pulau Pinang, Randy Wong dalam satu temuramah bersama-sama akhbar Buletin Mutiara di Penang Bowl baru-baru ini.

Dengan kesiapsiagaan para pemain, beliau optimis bahawa pencapaian tersebut mampu dibaiki anak buahnya apabila bertandang ke SUKMA Ke-19 Perak.

“Cabaran yang saya hadapi memang banyak dalam meningkatkan prestasi anak-anak buah saya.

“Seperti kita tahu, cabaran pertama sudah pastinya menguruskan pemain.

“Sebagai jurulatih, saya adalah ayah, kawan, guru, pengurus dan juga abang dalam menguruskan para pemain yang mempunyai pelbagai perwatakan serta kemampuan.

“Bila cedera saya juga perlu jadi ‘doktor’, (apa)bila mereka down, saya juga jadi emak, bila mereka tidak beraksi dengan baik, saya perlu naikkan semula semangat mereka untuk memberikan aksi lebih baik,” katanya yang berpengalaman sebagai jurulatih dalam sukan boling sejak tahun 1983.

Tanpa berselindung, Randy dilihat lebih meletakkan harapan kepada skuad lelaki yang dilihat lebih seimbang berbanding wanita.

“Namun, saya tidak kata wanita tidak kuat, itu tidak adil kerana saya juga yang melatih mereka... pada masa sama saya yakin skuad wanita mampu jelaskan kejutan apabila beraksi kelak,” ujarnya yang pernah merangkul tempat keempat dalam Kejohanan Boling Peringkat Dunia.

Dengan persiapan latihan enam kali seminggu termasuk sesi pagi dan petang, Randy dilihat yakin kepada skuad boling untuk menjelaskan kilauan pingat lebih baik berbanding dua tahun lalu.

Ayam Tambatan

Anis Shazlin Zuilkhisam, 20,



RANDY Wong (tiga dari kanan), Anis Shazlin Zuilkhisam (dua dari kanan) dan Muhamad Shafiq Zam (dua dari kiri) bersama-sama rakan sepelatih lain pada sesi temubual baru-baru ini.

berjinak-jinak dalam sukan boling sejak berusia sembilan tahun, melalui galakan ayahnya.

“Saya main boling kira-kira 10 hingga 11 tahun, dan pengalaman paling saya ingati adalah pada kejohanan Pesta Open pada tahun 2014 apabila saya berjaya kalahkan salah seorang pemain berpengalaman dari pasukan kebangsaan.

“Itu sebenarnya adalah seperti mimpi yang datang menjadi realiti, dan itu adalah impian setiap pemain-pemain junior,” jelasnya yang turut menimba pengalaman dengan berlatih di

Melbourne dan Korea Selatan baru-baru ini.

Menceritakan tentang cabaran, kecederaan lutut dilihat menjadi faktor utama dan Anis Shazlin juga difahamkan baru sahaja pulih daripada kecederaan tersebut.

Seorang lagi pemain yang sedang meningkat naik ialah Muhamad Shafiq Zam, 18.

Berasal dari Perlis bukan satu kesulitan bagi beliau yang kini menetap sementara di rumah neneknya dekat Seberang Perai.

“Tahun lepas saya baru bertemu ASEAN

School Games di Singapura, mewakili Malaysia, saya bersyukur dapat sumbangkan dua pingat perak dan satu gangsa yang saya sifatkan sebagai satu pengalaman berharga.

“Untuk SUKMA kali ini, saya harap dapat bawa pulang pingat juga, namun pada masa sama perlu waspada ancaman pasukan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Kedah yang dikatakan mempunyai pasukan agak kuat,” katanya yang menolak sementara tawaran melanjutkan pelajaran di sebuah universiti awam tempatan baru-baru ini.

Seberang Perai masa depan Pulau Pinang, miliki infrastruktur bagi menyokong pelbagai pembangunan

SEBERANG JAYA – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Seberang Perai merupakan masa hadapan bagi negeri Pulau Pinang memandangkan kawasan berkenaan masih mempunyai banyak potensi untuk dibangunkan.

Katanya, di kawasan Seberang Perai masih terdapat tanah yang luas untuk tujuan pembangunan bagi pelbagai sektor perindustrian.

“Sudah semestinya, untuk membangunkan sesbuah industri

adalah memerlukan ruang lebih luas, justeru, pemain industri lebih memilih kawasan seperti di Batu Kawan dan Bukit Minyak.

“Tambah pula, kita (Kerajaan Negeri) kini sedang bergerak ke selatan Batu Kawan sebagai kawasan masa depan sektor perindustrian iaitu, di Nibong Tebal,” katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis pecah tanah bagi pembinaan Pusat Perubatan Sunway di sini 7 September lalu.

Hadir sama, Pengasas dan Pengerusi

Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah dan juga Pengarah Urusan, Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Kumpulan Sunway, Lau Beng Long.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, di Seberang Perai juga terdapat rangkaian jalan yang baik seperti Lebuh Raya Utara Selatan, dua jambatan menghubungkan Seberang Perai serta pulau, rangkaian jalan kereta api dan pelabuhan serta mempunyai infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong sesuatu pembangunan.

“Pembangunan tidak boleh lagi dibuat di bahagian pulau kerana kita mempunyai kekurangan tanah untuk projek pembangunan, dan kerana itu semua projek pembangunan berskala besar kini hanya boleh dilaksanakan di Seberang Perai.

“Kita (Kerajaan Negeri) juga melaksanakan apa yang diucapkan dengan memperuntukkan 70 peratus daripada bajet pembangunan negeri untuk kawasan di Seberang Perai,” jelasnya.

Sepak takraw sasar dua emas atasi pencapaian di Sarawak

BERSEMPENA pengajuran Sukan Malaysia (SUKMA) Perak Kali Ke-19, skuad sepak takraw Pulau Pinang bakal berentap di Tanjung Rambutan dan memburu dua pingat emas, demi memperbaiki pencapaian dalam kejohanan dua tahun lalu.

Menurut jurulatih, Mohd. Helmi Ismail, pada kejohanan SUKMA Ke-18 Sarawak, ia menyaksikan skuad sepak takraw menyumbang satu emas dan satu gangsa.

"Untuk SUKMA Perak kali ini, kita letak sasaran sebanyak dua pingat emas, naik sikit daripada gangsa yang dimenangi dua tahun lepas."

"Keyakinan ini ditambah pula dengan beberapa pemain kita (Pulau Pinang) yang kini masih berada dalam program podium oleh Majlis Sukan Negara (MSN) termasuk dalam program pelapis negara," katanya kepada wartawan akhbar Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan Jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** di kem latihan sepak takraw dekat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara Impian, Simpang Ampat baru-baru ini.

Di sini, Mohd. Helmi dibantu pembantu jurulatih, Mohd. Fazil Mohd. Asri yang melatih 15 bakat sepak takraw negeri di bawah 21 tahun.

Beliau menyatakan, skuad bimbangannya kini sedia siaga daripada aspek mental dan fizikal.

"Bila dah dekat-dekat dengan pertandingan, kita tidak lakukan sebarang perlawanan persahabatan, bimbang juga takut mungkin ada kecederaan nanti, jadi lebih baik kita cari dan baiki kelemahan-kelemahan yang kita kesan sekarang," jelasnya.

Menyentuh mengenai saingan kepada pasukan Pulau Pinang, Mohd. Helmi terus meletakkan pasukan tuan rumah, Perak sebagai pencabar utama.



RAKAMAN gambar skuad sepak takraw yang dilatih Mohd. Helmi Ismail (kanan sekali) sambil dibantu Mohd. Fazil Mohd. Asri (kiri sekali).

"Apa yang saya lihat, Perak ini, pembangunan yang dilakukan oleh mereka adalah berterusan dan tidak terhenti di satu tahap sahaja."

"Seperti kita tahun ini baru bermula, tetapi Perak, saya difahamkan, mereka telah bermula sejak dua tahun lepas bagi membentuk skuad yang kuat dalam menghadapi SUKMA Ke-19 ini," ujarnya yang juga bekas atlet kebangsaan.

Mohd. Helmi dalam temubual tersebut juga sempat membicarakan cabaran masa kini dalam mencungkil bakat-bakat baharu bagi memperkuatkan cabaran pasukan sepak takraw di peringkat negeri dan kebangsaan.

"Pembangunan hari ini adalah terarah kepada mengumpul bakat-bakat muda di peringkat sekolah menengah apabila kita lihat pemain tersebut mempunyai potensi dan berminat terhadap sepak takraw."

"Tetapi, apabila usia meningkat, pastinya mereka ada hala tuju tersendiri seperti berhijrah luar dari Pulau Pinang, kerjaya, sambung belajar dan sebagainya."

"Sayang juga bila mereka ini berbakat besar, tetapi tak dapat diteruskan kesinambungan tersebut untuk masa depan sukan sepak takraw di negara kita, kalau tidak, memang masa depan sepak takraw ini lebih hebat," katanya.

Pasukan hoki lelaki gigih pertahankan pingat emas

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SKUAD Hoki (Lelaki) Pulau Pinang yang bakal berentap di kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Perak Ke-19 kini gigih membuat persiapan rapi demi mempertahankan kejuaraan yang dimenangi pada temasya dwi-tahunan tersebut di Sarawak tahun 2016.

Bagi pembantu jurulatih pasukan, G. Uthyan, memandangkan hoki adalah antara sukan terpenting di Malaysia, maka semua pasukan melakukan persiapan paling rapi untuk mendapatkan kejuaraan.

"Kita juga telah melakukan persiapan yang terbaik, dan latihan di Perth, Australia merupakan persiapan terakhir kita sebelum menghadapi SUKMA sebagai mendedahkan para atlet kepada saingan tahap tinggi."

"Kita akan bermain lima perlawanan persahabatan di sana termasuk dengan Kelab Hoki Perth Bawah 21 tahun."

"Dari situ, mereka berpeluang merasai pengalaman bermain dengan pemain yang berentap dalam liga hoki terbaik," katanya dalam satu temu ramah bersama-sama Buletin Mutiara di Stadium Hoki Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Tambah Uthyan, apa yang menggembirakan serta menjadi semangat tambahan kepadanya adalah sokongan moral padu daripada ibu bapa atlet-atlet sendiri.

Tumpuan hoki kali ini juga pastinya terarah kepada kita (Pulau Pinang) yang menjadi juara pada SUKMA Sarawak, selepas kerap kali terkandas di separuh akhir pada kejohanan sama sebelum 2016.

Uthyan dalam pada itu menyatakan bahawa mengambil tugas daripada mendiang B. Rajendran bukan suatu tugas mudah ekoran kejayaan memperoleh pingat emas pada SUKMA 2016.

"Saya mengambil alih tugas ini (bersama jurulatih, Jiwa Mohan) daripada beliau pada tahun lepas, sebelum itu, saya hanya bertugas sebagai pembantu kepada dia."



G. Uthyan (berbaju kuning) pada sesi latihan di Stadium Hoki USM baru-baru ini.

"Namun, saya masih berkongsi prinsip sama, iaitu untuk mencapai kejayaan adalah tidak mudah dan memerlukan kerja keras lebih daripada apa yang kita saraskan."

"Saya juga selalu berpesan kepada anak-anak buah saya bahwa kemenangan memang menjadi matlamat kita, dalam mengejar kemenangan, kita perlu ada keinginan dan pada masa sama perlu merendah diri," jelasnya.

Bercakap berkenaan bakat, Uthyan menyatakan bahawa skuad hoki Pulau Pinang sering layak ke peringkat separuh akhir dalam sebarang kejohanan hoki pada semua peringkat umur, justeru isu ketandusan bakat adalah tidak timbul.

Untuk SUKMA kali ini, Pulau Pinang diundi di dalam Kumpulan A bersama-sama Melaka, Johor, Sabah, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, manakala pemenang pingat perak SUKMA, Sarawak berada di dalam Kumpulan B bersama Perak, Pahang, Selangor, Terengganu dan Kedah.

"Saya juga yakin dengan skuad kita berikutkan 10 pemain yang pernah bermain pada SUKMA Sarawak masih dalam pasukan kali ini."

"Selain itu, kita turut diperkuatkan dengan beberapa pemain yang mewakili pasukan kebangsaan (remaja)," ujarnya.

Pada saat-saat akhir persiapan ke SUKMA dengan harapan membawa pulang pingat emas, Uthyan masih melahirkan kegusaran berkenaan isu kecederaan pemain.

Bagaimanapun, beliau tidak ingin perkara tersebut menghantui skuadnya sebagaimana yang terjadi pada pengajuran SUKMA Sarawak lalu.

Lesen kiosk sementara bagi kompleks membeli-belah mulai 1 September

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

GEORGE TOWN - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil pendekatan memperkenalkan lesen kiosk perniagaan mulai 1 September 2018.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, pelaksanaan tersebut terarah kepada semua kiosk sementara yang beroperasi dekat kompleks membeli-belah di sini.

"Jawatankuasa telah sebulat suara meluluskan cadangan pelaksanaan ini yang mana ianya termaktub di dalam Undang-Undang Kecil.

"Bagi memastikan pelaksanaan ini berjalan lancar, kita (MBPP) telah mengutus surat kepada semua pihak pengurusan agar kiosk-kiosk pameran serta jualan berkaitan adalah mematuhi arahan ini.

"Pada masa sama, terdapat juga pegawai-pegawai MBPP akan turun padang memantau dan memberikan nasihat kepada pemilik-pemilik (kiosk) untuk segera mendapatkan lesen perniagaan sah," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini 28 Ogos lalu.

Hadir sama Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengarah Jabatan Pelesenan MBPP, Azman Sirun.

Menurut Azman, berdasarkan bancian dijalankan jabatannya, terdapat kira-kira 780 kiosk yang beroperasi di seluruh bahagian pulau negeri ini.

"Bagi kiosk-kiosk ini, MBPP telah menetapkan yuran RM120 setahun untuk kiosk berkeluasan 10 meter (m) ke bawah, dan RM240 setahun yang melebihi 10m," jelasnya.



AR. Yew Tung Seang.

Tindakan terhadap pesalah tegar miliki lebih 10 kompaun parkir tertunggak

SEBERANG JAYA - Pesalah yang gagal membayar kompaun tertunggak setelah tamat promosi pengurangan kompaun letak kereta sempena Sambutan Hari Majlis 2018 baru-baru ini berisiko dikenakan tindakan penguatkuasaan, termasuk kes dirujuk ke mahkamah.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, pentadbirannya buat kali pertama mengadakan promosi pengurangan kompaun selama sebulan, mulai 28 Julai hingga 27 Ogos 2018.

"MPSP memandang serius kompaun-kompaun yang tertunggak dan tindakan yang tegas akan diambil selepas tamat tempoh promosi ini."

"Ini adalah kerana tempoh yang sewajarnya telah diberikan kepada semua pesalah untuk membayar, dan mereka masih lagi ingkar untuk berbuat demikian," tegasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat

Penuh Majlis dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini 27 Ogos lalu.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmood serta barisan Ahli Majlis bagi MPSP lain.

Menurut Rozali, sehingga 23 Ogos 2018, sebanyak 10,258 kenderaan yang telah direkodkan mempunyai melebihi 10 kompaun.

"Bagi pesalah yang mempunyai 10 kompaun ke bawah, mereka tidak akan terlepas daripada dihadapkan ke mahkamah.

"Keutamaan

tindakan akan diberikan kepada pesalah tegar yang mempunyai lebih daripada 10 kompaun tertunggak," tegasnya.

Menjawab soalan pemberita, Rozali menyatakan bahawa sejumlah 29,305

kompaun parkir telah dibayar oleh pesalah dalam tempoh tiga minggu promosi, namun sebanyak 741,862 kompaun tertunggak lain masih dalam rekod pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.



Sr. Rozali Mohamud.

INSENTIF Cabaran SISA MAKANAN



Adakah anda menguruskan sisa makanan anda?

ya → 

Bagaimana anda menguruskannya?

- ❖ Mempunyai sistem pengurusan sisa makanan sendiri, atau
- ❖ menghantar kepada pihak ketiga untuk diproses

PERMOHONAN INSENTIF

- Menerima RM 1000 untuk setiap penyertaan
- Terhad kepada 10 pendaftar berkelayakan sahaja

TEMPOH PERMOHONAN:
1 APRIL - 30 OKTOBER 2018

*tertakluk kepada terma dan syarat

IMBAS KOD INI

QR CODE

04 250 3322 016 517 7382 info@pgc.com.my

Projek Perintis Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Sekolah Hijau Pulau Pinang dikecualikan.

30 acara persembahan percuma untuk pengunjung BFF

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SEBERANG JAYA – Sebanyak 30 acara persembahan percuma disediakan kepada pengunjung Festival Pinggiran Butterworth (BFF 2018) dekat Jalan Jeti Lama, pada 1 dan 2 Disember ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berharap festival berkonsepkan persembahan seni jalanan itu akan memangkin lagi pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sosial Butterworth.

“Lebih 30 acara yang bakal dipersembahkan adalah secara percuma, terdiri daripada (elemen) tempatan dan antarabangsa, iaitu dari Malaysia, Sepanyol, Perancis, Jerman, Switzerland, Amerika Syarikat, Argentina, Venezuela, Ukraine, Korea Selatan dan Singapura yang berunsur kontemporari serta tradisional di pentas utama.

“Platform (BFF) ini secara langsung dapat menjamin pemangkin kepada inisiatif MPSP dalam memperkasakan Local Economic Development (LED) di seluruh Seberang Perai khasnya, dan negeri Pulau Pinang secara amnya,” jelasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis dekat Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini 27 Ogos 2018.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmud dan barisan Ahli Majlis bagi MPSP lain.

Selain pameran seni jalanan, menurut Rozali, festival trak makanan RM2, pertunjukan patung boneka, permainan tradisional, 10 sesi bengkel khas untuk kanak-kanak, pertandingan melukis dan fotografi, kiosk foto, persembahan muzik rakyat dan bunga api antara acara menarik dalam festival yang masuk tahun keempat penganjurannya kali ini.

“BFF ini satu-satunya festival berkonsepkan pinggiran yang pernah diadakan di Malaysia, yang mana sekali lagi ‘Pulau Pinang Memimpin’ untuk menganjurkan festival seumpama ini,” ujarnya sambil menyatakan bahawa BFF



SR. Rozali Mohamud (empat dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan MPSP menunjukkan poster penganjuran BFF pada sidang media di sini baru-baru ini.

alah selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baru.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri

Pakatan Harapan Pulau Pinang, serta agensi persekutuan Think City Sdn. Bhd. dan TLM Event Sdn. Bhd. atas sokongan masing-masing dalam menjayakan festival kali ini.

Kompleks Penjaja Industri Ringan Asasjaya ‘baru’ sedia 52 tapak sewa

SEBERANG JAYA – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud mengumumkan pembukaan 52 tapak gerai tertutup di Kompleks Penjaja Industri Ringan Asasjaya dekat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), dengan kadar sewa bulanan pada kadar RM144.

Menurut beliau, kompleks bernilai RM4.1 juta itu siap dibina pada 9 Mei tahun lepas dan diserahkan kepada pengurusan MPSP pada 8 Februari lalu.

“Kompleks ini mula dibina pada tahun 2015 oleh pemaju Asas Dunia Sdn. Bhd. sebagai satu syarat yang dikenakan oleh MPSP untuk menjalankan aktiviti pemajuan pembangunan di sekitar kawasan Asasjaya.

“Secara rasminya, kompleks ini dibuka untuk sewaan kepada orang awam atau peniaga,” katanya dalam sidang media di sini 27 Ogos 2018.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmud serta barisan Ahli Majlis bagi MPSP lain.

Jelas Rozali, iklan kekosongan gerai dibuka mulai bulan September 2018, manakala sesi temuduga khas dijadual Oktober ini.

Info lanjut, layari sesawang rasmi MPSP, www.mpsp.gov.my atau hubungi Jabatan Pelesenian di talian 04 – 549 7680.

Pelan Tindakan Kebersihan Pasar dan Kompleks Makanan Awam, Pulau Pinang serius!

TELUK BAHANG – Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyeru kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini serius dalam melaksanakan Pelan Tindakan Kebersihan Pasar dan Kompleks Makanan Awam.

Menurut Jagdeep, pelan tindakan tersebut merupakan satu bentuk pendidikan kepada para peniaga di pasar dan kompleks makanan awam agar meningkatkan kualiti terutamanya daripada aspek kebersihan ke tahap Gred A dan B.

“Kalau boleh, saya nak kedua-dua bahagian pulau dan Seberang (Perai) mempunyai satu misi menjadikan semua 48 kompleks Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 96 (Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) mencapai tahap kebersihan A ataupun B menjelang Februari 2019.

“Tahap kebersihan ini adalah tahap gred dari PBT dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)... ini adalah sangat penting.

“Pulau Pinang melihat perkara ini sesuai yang serius ke depan dan seperti sidang

media sebelum ini, saya katakan bahawa kita perlu tegas dalam menjadikan semua premis makanan awam dalam keadaan bersih,” katanya pada penganjuran Kursus Induksi Ahli Majlis bagi MPSP di sini 18 Ogos lalu.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari; Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Ir. Rosnani Mahmud serta Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Dalam pada itu, Rozali menyatakan bahawa MPSP telah memulakan pelan tindakan tersebut sejak Julai lalu ekoran tidak berpuas hati dengan gred yang dicapai pemilik pasar awam dan kompleks makanan di Seberang Perai.

“Pada 2010, semua Gred A, B, C dan D ada di Seberang Perai, namun, pada tahun 2017, penggredan A dan B mencatatkan 38.29 peratus serta C (61.6 peratus).

“Kita (MPSP) tidak berpuas hati dengan statistik ini dan telah berbincang dengan Ahli Majlis, mereka (Ahli Majlis) akan duduk di dalam task force ini,” jelasnya.

Sasar premis, gerai makanan awam capai tahap kebersihan Gred A dan B



DATUK KERAMAT – Menjelang Februari 2019, semua premis pasar dan gerai makanan awam di Pulau Pinang disasarkan mencapai tahap kebersihan Gred A dan B sahaja.

Sasaran tersebut dibuat Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dalam usaha memastikan seluruh rakyat dan pengunjung ke negeri ini dapat menikmati mutu makanan yang bersih serta terhindar daripada sebarang ancaman penyakit.

“Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri telah diarahkan untuk membuat pelan tindakan bagi meningkatkan aspek kebersihan termasuk memantau kerja-kerja menaik taraf semua pasar (awam) dan kompleks makanan awam.

“Kedua-dua kategori yang dinyatakan dan di bawah milikan PBT perlu mencapai tahap

kebersihan Gred A dan B sahaja,” tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media dekat Pasar Awam, Jalan Kuantan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mubarak Junus.

Terdahulu, pada Kursus Induksi Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Ogos lalu, Jagdeep turut menekankan pendekatan sama untuk mendidik para peniaga dalam peningkatan aspek kebersihan.

“Objektif utama saya adalah untuk melihat 48 premis milikan MBPP dan 96 premis (MPSP) mencapai Gred A dan B pada Februari 2019, atau tindakan tegas akan diambil setelah pendekatan pendidikan diguna pakai,” jelas beliau.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin.... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

**TANPA
CAGARAN &
PENJAMIN**

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN



Mangsa kebakaran terima sumbangan

Gambar : ADUN

AIR ITAM – Tiga keluarga yang kehilangan tempat tinggal ekoran kejadian kebakaran dekat Jalan 4 Mukim 1 di sini menerima bantuan kecemasan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Bantuan tersebut disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang.

Soon Siang berkata, selain bantuan kewangan daripada JKM, mangsa turut menerima sumbangan daripada Tabung Bencana Tuan Yang Terutama (TYT).

“Penyewa di rumah bernombor 43 menerima bantuan berjumlah RM2,000, iaitu RM1,500 daripada Tabung Bencana TYT dan baki daripada JKM.

“Satu lagi keluarga di nombor 42A menerima RM300 daripada JKM dan RM500 daripada peruntukan saya sendiri.

“Manakala seorang lagi mangsa yang menyewa di 42A turut mendapat bantuan sebanyak RM300 (JKM) dan RM300 lagi daripada saya,” ujarnya kepada pada sidang media di Pusat Khidmatnya baru-baru ini.

Tambah beliau, M. Parameswari, 54, dan K. Kanama, 74, selaku pemilik rumah turut menerima bantuan Tabung Bencana TYT masing-masing berjumlah RM1,000.



JOSEPH Ng Soon Siang (tengah) menyampaikan sumbangan kepada sebahagian mangsa terlibat di sini baru-baru ini.

Naik taraf jalan selesai, penduduk nikmati hidup lebih selesa

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

JAWI – Penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi kini menikmati kehidupan lebih selesa selepas kerja-kerja menaik taraf longkang dan penurapan jalan kini selesai sepenuhnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkenaan, H'ng Mooi Lye berkata, jalan-jalan yang diturap semula termasuk laluan sedia ada di Perkampungan Jawi, Jalan Sayur Kampung Changkat dan jalan di tepi landasan kereta api Sungai Jawi.

Malah tambahnya, Jalan Sungai Daun serta longkang di Jalan 2 dekat Kampung Bagan Buaya Changkat, Nibong Tebal juga telah dinaik taraf dengan kos keseluruhan bagi projek-projek berkenaan adalah berjumlah RM227,541.60.

“Saya harap dengan siapnya penurapan jalan-jalan di kampung yang terlibat, ia akan memberi manfaat kepada orang ramai, terutamanya kepada mereka yang sentiasa melalui jalan-jalan ini.

“Begitu juga pembinaan longkang di Jalan 2 dekat Kampung Bagan Buaya, akan melegakan penduduk kerana banjir kilat



H'NG Mooi Lye (kanan sekali) bersama-sama barisan JKPK Perkampungan Jawi dan penduduk setempat ketika mengadakan lawatan ke salah satu jalan yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.

yang kerap berlaku semasa hujan lebat kini dapat dielakkan,” ujar beliau pada sidang media di Dewan Serbaguna Perkampungan Jawi di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mooi Lye juga

memaklumkan, kerja-kerja menaik taraf turut melibatkan dua lagi jalan yang menggunakan peruntukan ADUN sebanyak RM14,000 iaitu laluan bersebelahan gelanggang bola keranjang Perkampungan

Jawi sebanyak RM4,000 dan jalan di Kampung Bagan Buaya (RM10,000).

“Saya terima aduan dan pandangan berkaitan keadaan jalan-jalan di sini yang boleh mengancam keselamatan penduduk pada kempen pilihan raya lalu.

“Oleh itu, selepas pilihan raya, kita membuat permohonan dan telah mendapat kelulusan untuk menurap jalan-jalan ini.

“Sebagai Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat, kita sentiasa mendengar pandangan serta aduan daripada stakeholders (penduduk) untuk terus memberikan khidmat yang terbaik,” jelasnya.

Dalam pada itu, Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) kampung berkenaan, Ching Swee Peng menyeru pihak berkuasa berkaitan untuk membina beberapa bonggol jalan di laluan-laluan yang telah dinaik taraf demi keselamatan penduduk.

“Selepas jalan-jalan ini siap diturap, kita (JKKK) terima aduan daripada penduduk berkaitan masalah pemanduan terlalu laju terutamanya bagi pemandu motosikal sehingga mendatangkan bahaya kepada penduduk,” katanya.

Projek Pusingan U Berkembar bakal manfaat penduduk

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Projek Pusingan U Berkembar (*Paired U-turn*) di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Jalan Sungai Pinang dan Lebuhraya Sungai Pinang di sini dijangka bermula dalam tempoh terdekat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen berkata, projek terbabit bakal mengambil tempoh kira-kira setahun untuk disiapkan.

“Tender terbuka telah dipanggil pada Jun lalu, dan kini projek ini sedang menjalani penilaian tender.

“Kos anggaran untuk projek pusingan u berkembar ini adalah sekitar RM4.3juta, dan ia akan ditanggung Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

“Projek ini bakal memanfaatkan penduduk di Pengkalan Kota dan juga Sungai Pinang,” ujarnya pada sidang media di lokasi berkaitan sambil menyatakan penghargaan kepada MBPP di atas usaha diambil bagi menangani kesesakan lalu lintas di sini.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Ahli-ahli Majlis MBPP antaranya Wong Yuee Harng, Gerald Mak dan Then Jie Wey serta Jurutera Lalu Lintas MBPP, Yong Woo Soon.

Menurut Zi Sen, projek terbabit bakal merangkumi pelebaran jalan raya, menaik taraf sistem lampu isyarat dan penambahbaikan saliran lalu lintas.

“Lorong pusingan u berkembar ini hanya dikhususkan di kedua-dua belah lebuh raya dan kepada kenderaan ringan sahaja.

“Dan... ia adalah sebahagian daripada langkah jangka pendek untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas, manakala penyelesaian

trafik jangka panjang untuk rakyat adalah melalui *Penang Transport Master Plan (PTMP)*,” jelasnya pada sidang media bertarikh 17 Ogos lalu.

Dalam sidang media sama, Siew Khim turut berharap dengan penyiapan projek berkenaan kelak, ia akan menyurai dan melegakan keadaan trafik di persimpangan berkenaan terutamanya ketika waktu puncak.

“Dianggarkan, kira-kira 10,000 penduduk yang menetap di Bandar Sri Pinang.

“Semoga dengan siapnya projek ini nanti, ia akan melegakan keadaan trafik di sini terutamanya pada waktu-waktu padat,” kata beliau.



GOOI Zi Sen (tiga dari kiri), Lim Siew Khim (dua dari kiri) dan barisan Ahli-ahli Majlis MBPP ketika mengadakan sidang media dekat lokasi Projek Pusingan U Berkembar di sini baru-baru ini.

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

**BORANG-BORANG BOLEH
DIDAPATI DI:**

JABATAN PERTANIAN
+04-537 2142

JABATAN PERIKANAN
+04-657 2777


**JABATAN
PERKHIDMATAN VETERINAR**
+04-508 4368

Hari Kebangsaan Ke-61

RAKAMAN ^{drone}
yang menunjukkan
suasana di Padang
Kota Lama.



SEMANGAT patriotik yang ditunjukkan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



KAKITANGAN Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang turut mengambil bahagian.



KESERAGAMAN yang ditunjukkan salah sebuah pasukan yang mengambil bahagian dalam acara perbarisan.

AKSI peserta cilik yang memperagakan kostum Hari Kebangsaan bertemakan Jalur Gemilang.